UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR

AKNC

LAPORAN

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

2025

FAKULTI PENDIDIKAN

PENGURUSAN DAN PEMBANGUNAN PELAJAR

KETUA PTJ :
SHIREENA BASREE BINTI ABDUL RAHMAN

KETUA UNIT KUALITI :
SHEIKHA BINTI MAJID

PENYELARAS :
MELISSA BINTI MALIK

PENULIS :

1. MELISSA BINTI MALIK
2. MELISSA BINTI MALIK
3. SHEIKHA BINTI MAJID
4. SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM
5. SYAHREENA BINTI MOHD SHAHROM

KRITERIA 1 : KEPIMPINAN

1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Kepimpinan yang cekap, berintegriti dan berwawasan adalah tunjang kejayaan sesebuah organisasi. Berpegang kepada visi dan misi serta tagline ***EDU Pursuing Excellence***, kepimpinan Fakulti diterajui oleh Profesor Madya Dr Shireena Basree Abdul Rahman sebagai Dekan yang mentadbir fakulti, di bantu oleh bahagian Hal Ehwal Akademik (**HEA**), Penyelidikan dan Jaringan Industri (**PJI**) dan Hal Ehwal Pelajar (**HEP**). Bagi menyokong visi dan misi Fakulti Pendidikan untuk menjadi sebuah Fakulti yang unggul dan pusat rujukan pembelajaran dan pembelajaran (**PdPc)** di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dalam pelbagai bidang pendidikan, pengurusan tertinggi fakulti telah membuat perancangan (Plan) awal dengan merangka tiga (3) inisiatif projek utama yang dikenali sebagai ***EduHead, EduHeart*** dan ***EduHands***.

Bagi menjayakan tiga (3) inisiatif projek utama yang telah dirangka oleh pengurusan tertinggi fakulti yang dipimpin oleh Dekan, timbalan-timbalan dekan dan dibantu oleh Ketua Pusat Pengajian (KPP), Koordinator, Ketua Unit, Penyelaras, Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar dan kesemua staf akademik dan pentadbiran bagi mengoptimumkan kepakaran dan sumber manusia. Kesemua warga bermula daripada tampuk kepimpinan sehingga kepada staf sokongan terlibat dalam **perancangan** (**Plan**) awal iaitu di Pra Bengkel Strategik pada 5-6 Feb 2024 yang diadakan di Fakulti Pendidikan. Ini disusuli dengan Bengkel Perancangan Strategik 2024 pada 1-3 Mac 2024 di Morib Selangor. Sewaktu perancangan dijalankan, pihak pengurusan telah mengenalpasti calon ketua projek dan penyelaras projek yang sesuai bagi mengetuai **pelaksanaan** (**Do**) projek ini untuk mencapai petunjuk prestasi (PI) selaras dengan pelan strategik UiTM 2024 dalam menuju '***Globally Renowned University***'. Setiap PI mempunyai jawatankuasa pelaksana merangkumi staf akademik, pentadbiran dan sokongan.

Fakulti Pendidikan menawarkan enam (6) program ikhtisas iaitu Pendidikan TESL, Pendidikan Seni dan Seni Reka, Pendidikan Sains (Kimia, Biologi & Fizik), Pendidikan Matematik, serta Pendidikan Jasmani dan Kesihatan. Bagi merealisasikan PI, projek-projek berkaitan yang berimpak tinggi dipantau secara berkala bagi memastikan pelaksanaan adalah mengikut perancangan, selaras dengan elemen ' **Check**' dalam proses **pemantauan**. Ini dilaksanakan dalam mesyuarat kecil dan utama fakulti seperti Mesyuarat Tabung Amanah Fakulti dan Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Fakulti (JAF). Pihak pengurusan secara konsisten menggalakkan semua pihak yang bertanggung-jawab dalam pelaksanaan projek untuk menjalankan analisis post-mortem serta mendapatkan maklum balas pelanggan, sebagai usaha memperkukuh keberkesanan projek di masa hadapan dan sebagai langkah **penambahbaikan (Act).**

1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi MARA (UiTM) terus komited dalam memastikan pelaksanaan program pembangunan pelajar yang berteraskan pendidikan abad ke-21 bagi menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 4, iaitu Pendidikan Berkualiti. Selaras dengan aspirasi Education 5.0 dan Global Renowned University 2025 (GRU2025), Fakulti Pendidikan mengadaptasi pendekatan sistematik melalui strategi top-down dan penyebaran maklumat (dissemination), dengan mengambil kira pencapaian Indeks Prestasi Utama dalam Perancangan Strategik UiTM serta Standard Guru Malaysia 2.0 sebagai penanda aras keberhasilan graduan.

Fakulti turut mengaplikasikan pelbagai model pendidikan kontemporari seperti **Model Pembelajaran Eksperiensial KOLB**, **Model ADAB UiTM**, dan pendekatan **EDU 5.0** dalam merealisasikan pembangunan pelajar secara menyeluruh. Pendekatan ini diterjemahkan melalui inisiatif ***EduHead**, **EduHeart**,* dan ***EduHands*** yang membentuk rangka kerja pembangunan pelajar berimpak tinggi sepanjang tahun 2024.

EduHead memberi tumpuan kepada pengukuhan pengetahuan dan kemahiran akademik pelajar sebagai asas kecemerlangan intelektual. Antara program utama yang dilaksanakan termasuk **Scholarship Catalyst**, **Global Academic Synergy**, **Academic Exercise Clinic**, **Pre-practicum & Post-practicum Seminar**, serta **Program Inbound bersama Beijing Union University dan Universitas Mahasaraswati Denpasar**. Program ini berjaya meningkatkan keterlibatan pelajar dalam konteks global serta memperkukuh pencapaian akademik mereka.

EduHeart pula menekankan kepada pembinaan jaringan kolaboratif, penyelidikan dan inovasi **bersama komuniti**. Program berimpak tinggi seperti **Pengaplikasian Google AR dan Minecraft Education** yang berlangsung di **Universitas Negeri Yogyakarta (UNY), Indonesia** telah memberi ruang kepada mahasiswa Fakulti Pendidikan untuk berkongsi kepakaran dalam bidang STEM, sekaligus memperkukuh peranan UiTM di rantau ASEAN. Penyertaan aktif mahasiswa dalam **Program International Visiting Scholars & Students Mobility UiTM-UNY** mencerminkan keupayaan mereka sebagai graduan holistik dan kompetitif di peringkat global. Tambahan pula, persidangan antarabangsa seperti **ISOLA 2024** dan **ACPES 2024** yang turut melibatkan pembentangan oleh mahasiswa Fakulti Pendidikan membuktikan usaha berterusan dalam meneroka kerjasama global dan inovasi pendidikan.

EduHands menfokuskan kepada pembangunan kepimpinan, kerjaya dan daya saing pelajar melalui pelbagai program seperti **EDU Get Along**, **Global Wellness 2024**, **EDU Joss Fun Run**, **Kejohanan Badminton Naib Canselor - Datuk Rashid Sidek**, **Finishing School**, dan **Profession Exploration 2024**. Pendekatan ini memperkukuh keupayaan pelajar dalam meneroka aspek kepimpinan, kerjaya, kesejahteraan, gaya hidup sihat, semangat kesukanan dan kerjasama serta keserakanan.

Gabungan elemen **Edu 3H**, ***EduHead, EduHeart dan EduHands*** ini menjadi asas kukuh kepada pendekatan pembangunan pelajar Fakulti Pendidikan UiTM. Inisiatif yang bersifat holistik, strategik dan kolaboratif ini bukan sahaja memberi impak di peringkat nasional malah antarabangsa, seterusnya mengukuhkan kedudukan UiTM dalam pendidikan global. Perancangan yang tersusun dan pelaksanaan yang teliti mengikut kepakaran staf serta potensi pelajar membuktikan bahawa Fakulti Pendidikan bersedia memainkan peranan penting dalam menjayakan aspirasi GRU 2025.

<u>SENARAI BUKTI:</u>

1.
2.
3.
4.

5.

1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Program-program di bawah tunjang ***EduHead, EduHeart*** dan ***EduHands*** telah diperluaskan pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan barisan kepimpinan, staf, pelajar, alumni, komuniti serta aktiviti kesukarelawan yang turut merangkumi PTJ lain. Semua inisiatif ini dilaksanakan selaras dengan **Perancangan Strategik UiTM. Bengkel Perancangan Strategik Fakulti Pendidikan 2024** telah berlangsung pada 1-3 Mac 2024 di Morib, Selangor **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a) Bengkel Perancangan Strategik di Morib.**

Pengurusan tertinggi Fakulti Pendidikan mengamalkan **penjajaran strategik *(strategic alignment)*** antara pihak kepimpinan dan staf untuk memastikan **visi** fakulti dapat **disampaikan *(vision dissemination*)** dan diterapkan di semua peringkat. Dalam bengkel tersebut, setiap projek telah diagihkan kepada timbalan dekan dan semua jabatan berdasarkan skop tugas serta bidang kepakaran. Timbalan dekan akan memantau kemajuan projek yang diurus selia oleh ketua projek dan penyelaras yang dilantik. Perkembangan projek dipantau oleh pihak pengurusan tertinggi melalui **pembentangan dalam Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE)** serta mesyuarat penting fakulti yang diadakan secara berkala **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(b).**

Maklumat perbincangan dan pelaksanaan projek dikongsikan kepada warga Fakulti serta masyarakat umum melalui **laman rasmi Fakulti** (https://education.uitm.edu.my/) dan **media sosial rasmi** seperti Facebook (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(c).** Saluran komunikasi maya seperti **WhatsApp dan e-mel (Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(d)** juga digunakan sebagai medium **penyampaian maklumat** dan penyebaran arahan untuk **tindakan pantas *(immediate action).*** Platform ini turut menyalurkan informasi berkaitan projek seperti **Program Inbound Universitas Mahasaraswati Denpasar**, **Research Masterclass Workshop Series**, **iSOLA 2024**, **EDU Alumni Homecoming 2024** dan **Global Wellness Leadership Week**.

Program Inbound Universitas Mahasaraswati Denpasar melibatkan 7 pelajar (Oktober 2024-Februari 2025). Ianya bukan sahaja memupuk kerjasama akademik, malah mendedahkan pelajar kepada perspektif pendidikan seperti meningkatkan kesiapsiagaan mereka untuk pembelajaran aras tinggi melalui pemikiran kritis, penglibatan global serta wacana akademik yang lebih bermakna. **(Rujuk BUKTI 2: Pautan 1)**

Research Masterclass Workshop Series pula merupakan 6 sesi bengkel dijalankan secara atas talian (Webex) dari bulan Mac sehingga Ogos 2024 melibatkan 6 pensyarah khusus untuk pelajar Semester 7 dan 8 Ijazah Sarjana Muda Pendidikan. Bengkel ini penting untuk memastikan pelajar memperoleh bimbingan sistematik dan kemahiran asas penyelidikan yang mantap agar mereka lebih bersedia menyempurnakan projek tahun akhir dengan yakin dan beretika

Simposium Antarabangsa Pendidikan Bahasa & Seni 2024 (iSOLA 2024) di Universitas Negeri Yogyakarta, Indonesia dianjurkan secara kolaboratif antara universiti-universiti dari Malaysia dan Indonesia. Penglibatan aktif para pelajar dan ahli akademik bukan sahaja telah memperkukuh jaringan kerjasama rentas negara malah memperkaya pengalaman akademik pelajar melalui pertukaran ilmu, pengalaman dan kerjasama antarabangsa, sekali gus mempersiapkan mereka menjadi individu yang kompeten, kreatif dan berdaya saing dalam bidang bahasa dan seni. **(Rujuk BUKTI 2: Pautan 2)**

EDU Alumni Homecoming 2024 merupakan program yang bertujuan untuk merapatkan hubungan sosial antara pelajar, alumni, dan industri melalui perkongsian ilmu, bengkel dan perasmian simbolik. Program ini mengukuhkan jati diri pelajar, membina jaringan sosial bermakna serta memupuk semangat komuniti dalam kalangan warga Fakulti Pendidikan dan rakan kerjasama strategik. **(Rujuk BUKTI 2: Pautan 3)**

Global Wellness Leadership Week memupuk kesedaran kesihatan dan kepimpinan dalam

kalangan pelajar melalui pelbagai aktiviti bersama peserta tempatan dan antarabangsa, melibatkan kerjasama antara pimpinan pelajar, pensyarah, dan institusi jemputan. **(Rujuk BUKTI 2: Pautan 4)**

SENARAI BUKTI :

1. F0034_K01_KB03_20251_1.3_Bukti 1.pdf
2. F0034_K01_KB03_20252_1.3_Bukti 2.pdf
3.
4.
5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fakulti Pendidikan secara konsisten melaksanakan pemantauan berasaskan konsep ***Plan-Do-Check-Act (PDCA)*** dalam memastikan kualiti pelaksanaan program berada pada tahap terbaik. Proses ini dilaksanakan secara menyeluruh dari peringkat perancangan melalui kelulusan kertas kerja, pelaksanaan, pemantauan program, hingga tindakan susulan pasca program. Setiap peringkat ini dipantau secara teliti oleh penasihat, pengarah program dan ahli jawatankuasa agar segala objektif dan impak dapat dicapai secara berkesan.

Bagi **Program artSMart Siri 8**, proses perancangan dilakukan bersama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan guru-guru komuniti sasaran. Pemantauan dijalankan secara langsung ke lokasi komuniti Orang Asli di Kuala Lipis oleh jawatankuasa pelaksana bagi memastikan kandungan program menepati keperluan tempatan. Seramai 400 peserta telah terlibat. Program ini dipantau secara aktif oleh penasihat dan pasukan penganjur sepanjang tempoh pelaksanaan, manakala sesi post-mortem dijalankan untuk menilai keberkesanan dan cadangan penambahbaikan **(Rujuk BUKTI 1: Pautan 1)**.

Simposium Antarabangsa Pendidikan Bahasa dan Seni (iSOLA) 2024 (20 Ogos 2024) di Universitas Negeri Yogyakarta (UNY), memfokuskan kepada perkongsian ilmu dalam bidang seni, bahasa dan budaya antara institusi Malaysia dan Indonesia. Pemantauan keberkesanan program dilakukan melalui borang maklum balas atas talian menggunakan QR code. Data yang dihimpunkan menjadi asas utama dalam perbincangan pasca program untuk menambah baik edisi simposium akan datang **(Rujuk BUKTI 1: Pautan 2)**.

Global Wellness Leadership Week 2024 (15 hingga 18 Mei 2024), telah melibatkan pelbagai fakulti dan delegasi antarabangsa. Pemantauan pelaksanaan dilakukan melalui catatan pemerhatian, laporan aktiviti harian dan sesi refleksi oleh peserta serta fasilitator. Program ini dipantau secara sistematik oleh Fakulti Pendidikan bersama Majlis Perwakilan Pelajar. Laporan pemantauan disediakan secara rasmi sebagai asas rujukan untuk penambahbaikan (**Rujuk BUKTI 1: Pautan 3**).

Dalam **Program Pengaplikasian Google AR dan Minecraft Education** (13–15 November 2024), enam mahasiswa UiTM berkongsi kepakaran bersama peserta di UNY. Pemantauan pelaksanaan dijalankan secara berterusan oleh penasihat, pengarah program, AJK dan rakan strategik. Laporan maklum balas menunjukkan hasil yang memberangsangkan dan program ini turut mendapat liputan media dalam dan luar negara **(Rujuk BUKTI 1: Pautan 4 dan Pautan 5)**.

SENARAI BUKTI:

1. F0034_K01_KB04_KC01_20251_1.4.1_Bukti 1.pdf
2.
3.
4.
5.

1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan risiko merupakan elemen penting dalam pelaksanaan projek di Fakulti Pendidikan. Sehubungan itu, pihak PTJ mematuhi definisi risiko yang telah ditetapkan oleh Unit Pengurusan Risiko UiTM. PTJ bertanggungjawab mengenal pasti, menilai, dan mengendalikan risiko yang berpotensi timbul dalam setiap projek yang dijalankan.

Program Inbound Universitas Mahasaraswati Denpasar menghadapi **risiko projek** apabila sebahagian pelajar mengalami kejutan budaya dan kekok untuk menyesuaikan diri dengan perbezaan masa serta kaedah pengajaran rentas budaya. Tindakan yang diambil termasuk **taklimat** yang lebih komprehensif dengan pelajar oleh Timbalan Dekan Akademik, penyelaras serta pensyarah terlibat mengenai pengurusan masa, sokongan akademik serta komunikasi dua hala **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a) dan Gambarajah 1(b)**.

Research Masterclass Workshop Series (Mac – Ogos 2024) telah menghadapi **risiko projek** apabila didapati sebahagian pelajar Semester 7 dan 8 menghadapi **kesukaran mengikuti sesi** bengkel atas talian kerana masalah capaian internet yang tidak stabil. Bagi menyelesaikan masalah ini, **rakaman sesi beserta pautan YouTube** telah disediakan di website Fakulti selepas setiap bengkel untuk memastikan semua pelajar dapat mengakses kandungan rakaman mengikut masa yang sesuai. **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) tangkap layar rakaman YouTube).**

Simposium Antarabangsa Pendidikan Bahasa & Seni 2024 (iSOLA 2024) telah menghadapi risiko dari segi **pelaksanaan projek**. Perancangan serta perjalanan awal program berjalan agak perlahan di peringkat universiti, walaupun Jawatankuasa Induk iSOLA 2024 melibatkan semua universiti dan institusi penganjur bersama—yang terdiri daripada para pensyarah—telah pun dibentuk. Bagi memenuhi keperluan pelaksanaan yang lebih tersusun, satu **Jawatankuasa Induk tambahan** khusus di peringkat UiTM yang turut melibatkan seramai 21 peserta di bawah Jawatankuasa Pelajar telah dibentuk. ***(*Rujuk BUKTI 3: Pautan 1 Laporan iSOLA 2024*)***

EDU Alumni Homecoming 2024 menghadapi **risiko projek** di mana **penglibatan industri** dikalangan alumni agak terhad. Kerana itu, penyebaran maklumat seperti poster digiatkan di semua **platform media sosial rasmi** Fakulti Pendidikan (e-mail, Facebook dan instagram) bagi mendapatkan penglibatan alumni secara menyeluruh dari pelbagai bidang selain pendidikan. **(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4)**

Global Wellness Leadership Week menghadapi risiko **projek** apabila perjalanan aktiviti kepimpinan dan kesihatan sedikit pasif di permulaannya **(Rujuk BUKTI 5: Gambarajah 5 Tangkap layar WhatsApp perbincangan risiko GWLW)**. Tindakan penambahbaikan diambil dengan mewujudkan elemen interaktif seperti sesi perkongsian dari para pelajar/peserta.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_K01_KB04_KC02_20251_1.4.2_Bukti 1.pdf
2. F0034_K01_KB04_KC02_20252_1.4.2_Bukti 2.pdf
3. F0034_K01_KB04_KC02_20253_1.4.2_Bukti 3.pdf
4. F0034_K01_KB04_KC02_20254_1.4.2_Bukti 4.pdf
5. F0034_K01_KB04_KC02_20255_1.4.2_Bukti 5.pdf

1.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti Pendidikan melaksanakan pendekatan pemantauan berterusan berasaskan prinsip **Plan-Do-Check-Act (PDCA**) dalam memastikan kualiti program berada pada tahap optimum. Proses ini melibatkan pemantauan menyeluruh dari peringkat perancangan hingga penilaian pasca pelaksanaan. Kepimpinan Kanan memainkan peranan penting dalam menganalisis hasil tindakan penambahbaikan berdasarkan dapatan program.

Sebagai contoh, **artSMart x ISOLA 2024 (Rujuk BUKTI 1: Pautan 1)** menggunakan **borang maklum balas** untuk mengumpul data peserta bagi melihat perbandingan dapatan untuk **Pra dan Pasca** bagi semua kluster program yang dijalankan. Maklumat ini **dianalisa** oleh pihak kepimpinan dalam **mesyuarat pasca program** bagi memperkemas edisi akan datang.

Dalam **Global Wellness Leadership Week 2024 (Rujuk BUKTI 1: Pautan 2)** pemantauan dilakukan melalui maklumbalas jawatankuasa pelaksana, **tinjauan kepuasan pelajar** dan data kehadiran aktiviti bagi menilai tahap keterlibatan pelajar. Tinjauan maklum balas dari peserta melalui **liputan media** juga merupakan **petunjuk prestasi** ke atas **keberkesanan** program. Laporan aktiviti harian, catatan pemerhatian, dan **refleksi peserta** digunakan oleh kepimpinan tinggi sebagai asas **penilaian impak** serta keperluan penambahbaikan pelaksanaan. Secara keseluruhan, **Global Wellness Leadership Week** bukan sahaja

memenuhi SDG dan KPI BHEP dari segi '**inclusivity'** dan '**engagement'** tetapi juga berjaya memberikan platform untuk peserta terutama pelajar meningkatkan kualiti hidup mereka serta mengasah kepimpinan dalam persekitaran yang menyokong **kesejahteraan global**. Setiap laporan, maklum balas, dan data pemantauan dibentangkan dalam mesyuarat rasmi untuk **dinilai** oleh Kepimpinan Kanan. Hasil **analisis** ini dijadikan asas untuk memperkemas struktur program, menyesuaikan pendekatan berdasarkan konteks semasa, dan **meningkatkan keberkesanan** modul serta kaedah penyampaian.

Mesyuarat post-mortem untuk **mengenal pasti** trend kejayaan dan cabaran, **analisis kuantitatif dan kualitatif** berdasarkan maklum balas peserta, kehadiran, penglibatan antarabangsa dan impak program serta **cadangan penambahbaikan** daripada penasihat, pengarah program dan fasilitator dijadikan **penilaian** bagi penambahbaikan sesuatu program. Seperti contoh **ACPES 2024** (**Rujuk BUKTI 1: Pautan 3**), beberapa kelemahan dikenalpast tetapi adalah menjadi tanggungjawab ketua Jawatankuasa serta PTJ untuk memperbaiki dan bertindak bagi penganjuran seterusnya.

Kesimpulannya, kepimpinan Kanan Fakulti Pendidikan secara konsisten melaksanakan **analisis berdasarkan bukti pemantauan** melalui pendekatan PDCA. Mereka bukan sahaja **menilai** pencapaian, malah **menginstitusikan budaya penambahbaikan berasaskan data**, menjadikan **hasil tindakan** itu sebagai **input strategik** dalam merancang program yang lebih berimpak pada masa depan terutama dalam pembangunan **pembudayaan holistik pelajar**.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_K01_KB04_KC03_20251_1.4.3_Bukti 1.pdf
2.
3.
4.
5.

1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan kanan PTJ melaksanakan pendekatan Integrasi melalui konteks Akademik, Jalinan Industri dan Hal-ehwal Pelajar yang menggabungkan tiga Inisiatif Utama iaitu ***EduHead*** **(HEA**), ***EduHeart*** **(PJI/ICAN)** dan ***EduHands*** **(HEP)** yang dilaksanakan melalui agenda di peringkat nasional dan antarabangsa. Tiga contoh program fakulti yang melibatkan kolaborasi nasional dan antarabangsa adalah **Global Wellness Leadership Week 2024** dan penglibatan fakulti sebagai tuan-rumah bersama dalam **ASEAN Council of Physical Education and Sport (ACPES) 2024** yang melihat kepada kejayaan konferensi akademik yang **melibatkan** setiap wakil Universti ASEAN serta penerbitan **berimpak tinggi**.

Di samping itu, Letter of Intent (LOA) juga ditandatangani bersama **National Institute of Physical Education and Sport (NIPES)** Cambodia bagi **menjalin** kerjasama aktiviti-aktiviti akademik (**Rujuk BUKTI 1: Pautan 1 LOA**).

https://drive.google.com/file/d/1Q4QYDcfqJFjHiglhOlmlwjPNClik7P2Q/view?usp=sharing

Projek **ISOLA artSMart** meneruskan **inisiatif jalinan** industri melalui projek **komuniti** yang dianjurkan bersama Universiti Malaya (UM), Akademi Seni Budaya & Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Sekolah Seni Malaysia (SseM) bertempat di Pondok Pesantren dan Panti Asuhan Bima Bhakti, Yogyakarta, Indonesia (**Rujuk BUKTI 2: Pautan 2 Laporan ISOLA**). **Perlaksanaan** projek ini yang melibatkan pelbagai kluster telah mempamerkan pengamalan **pembudayaan tadbir urus** yang baik merangkumi prinsip-prinsip k**epimpinan** yang beretika dan berkesan, termasuk amalan kerja yang baik merupakan tunjang kepada penambahbaikkan **keluasan** penyebaran ilmu daripada Fakulti Pendidikan (**Rujuk BUKTI 3: Global Wellness Week**). Kerjasama dan **komunikasi** (communication) yang baik juga menjadi tunjang **pengintegrasian** pelaksanaan bidang tumpuan. **Pengagihan tugas** dilakukan secara konsisten dan dijelaskan dengan teratur dalam **pendekatan** dan **perancangan** yang diambil oleh pihak pengurusan kanan. Untuk memastikan keberkesanan dalam **pembudayaan objektif** dan **inisiatif strategik**, pengurusan kanan mengambil pendekatan yang tersusun dan menyeluruh, melibatkan **perancangan jangka pendek** dan **jangka panjang** yang disusun semasa **Pelan Strategi** fakulti. Ini termasuk komunikasi secara dari atas ke bawah (**top-down communication**) bagi memastikan setiap warga organisasi memahami peranan masing-masing dengan jelas dan dapat melaksanakannya dengan tepat. Contoh komunikasi dalam **pengurusan risiko** adalah **Program Inbound Universitas Mahasaraswati Denpasar** dimana pelajar menghadapi cabaran kejutan budaya dan perbezaan rentas masa dan kaedah pembelajaran. Bagi mengatasinya, sesi taklimat **komprehensif** dikendalikan oleh Timbalan Dekan Akademik, penyelaras dan pensyarah terlibat bagi menyokong pelajar dari aspek pengurusan masa dan juga menggalakan **komunikasi dua hala.**

Di samping itu, **komunikasi luaran (external communication)** yang berkesan turut memberikan impak yang **signifikan**, khususnya apabila kebanyakan projek Fakulti Pendidikan melibatkan kerjasama dengan organisasi, industri dan komuniti luar dan dalam bidang Pendidikan. Contohnya, **EDU Alumni Homecoming 2024**, keterlibatan alumni dari pelbagai industri digiatkan menerusi **strategi** penyebaran maklumat berkesan di media sosial rasmi.

Pihak pengurusan turut komited dalam memastikan komunikasi yang berterusan dan konstruktif dengan semua pihak yang terlibat. Dalam **Research Masterclass Workshop Series**, isu capaian internet yang tidak stabil diatasi dengan penyediaan rakaman dan pautan YouTube di laman web fakulti bagi memastikan keboleh capaian pembelajaran fleksibel. Sementara itu, **Simposium Antarabangsa iSOLA 2024** menghadapi kelewatan perancangan awal, namun diatasi melalui pembentukan Jawatankuasa Induk tambahan di peringkat UiTM yang melibatkan penyertaan aktif pelajar, sekaligus **memperkukuh** pelaksanaan projek. Inisiatif-inisiatif ini membuktikan komitmen pengurusan kanan dalam memperkukuh pengalaman dan keterlibatan pelajar secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_K01_KB05_20251_1.5_Bukti 1.pdf
2.
3.
4.
5.

KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK

2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Perancangan Strategik Fakulti Pendidikan bagi tahun 2024 telah dirangka dengan berpandukan kepada dokumen dasar utama universiti iaitu UiTM Global Renowned University 2020–2025 (GRU 2020–2025). Dokumen strategik GRU ini merupakan pelan lima tahun yang digubal oleh pihak pengurusan Universiti Teknologi MARA (UiTM) bagi menetapkan arah tuju, sasaran utama dan strategi pelaksanaan yang sistematik ke arah melonjakkan nama UiTM ke persada antarabangsa. Selaras dengan aspirasi ini, Fakulti Pendidikan turut menggubal Strategic Action Plan (SAP) yang bersifat komprehensif, inklusif dan responsif terhadap perubahan persekitaran pendidikan tinggi, dengan mengambil kira cabaran semasa serta potensi kecemerlangan yang boleh diteroka oleh warga fakulti.

Pada tahun 2023, sebanyak 54 Petunjuk Prestasi (Performance Indicators – PI) telah diturunkan oleh pihak universiti kepada Fakulti Pendidikan. Skor pencapaian keseluruhan bagi tahun tersebut mencatatkan kadar 71%, menunjukkan komitmen tinggi fakulti dalam melaksanakan strategi yang ditetapkan. Namun, pada tahun 2024, jumlah PI yang perlu dicapai telah meningkat kepada 63, mencerminkan harapan dan kepercayaan yang semakin besar daripada pihak pengurusan universiti terhadap keupayaan fakulti. Menariknya, walaupun jumlah PI meningkat, skor pencapaian fakulti melonjak secara ketara kepada 92%. Peningkatan ini secara tidak langsung membuktikan keberkesanan pelaksanaan strategi fakulti, hasil daripada pemerkasaan struktur pentadbiran dan peningkatan tahap kefahaman terhadap keperluan serta makna sebenar setiap PI oleh peneraju PI iaitu para Timbalan Dekan.

Setiap Timbalan Dekan diamanahkan untuk memimpin PI yang berada di bawah skop tanggungjawab portfolio masing-masing. Mereka memainkan peranan utama dalam merancang, menyelaras dan melaksanakan strategi bagi memastikan setiap PI dicapai dengan jayanya. Bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti, setiap TD akan membentangkan pelan tindakan dan kemajuan pencapaian kepada Dekan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif Fakulti secara berkala. Pembentangan ini bukan sahaja berfungsi sebagai platform pemantauan, tetapi juga sebagai sesi reflektif dan perkongsian strategik untuk menambah baik inisiatif yang dilaksanakan. Rujukan utama kepada dokumen UiTM 2025 sentiasa digunakan dalam merangka strategi, bagi memastikan keselarasan antara matlamat fakulti dengan agenda pembangunan universiti secara keseluruhan.

Berdasarkan kekuatan teras Fakulti Pendidikan yang kukuh dalam bidang pengajaran dan pembelajaran – termasuk kepakaran staf akademik, pembangunan pedagogi berinovasi, penggunaan teknologi terkini dalam bilik darjah serta hubungan kukuh dengan institusi luar maka perancangan strategik tahun 2024 telah memberikan fokus utama kepada tiga (3) inisiatif strategik berikut:

1. ***EduHead***

Inisiatif yang digerakkan ini mencerminkan komitmen berterusan warga Fakulti Pendidikan dalam memartabatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berimpak tinggi, melalui pelaksanaan program yang menyokong pembangunan holistik pelajar.

2. ***EduHeart***

Inisiatif ini merupakan antara tonggak penting dalam memperluas akses kepada peluang pendidikan dan pembelajaran yang bermakna melalui pelaksanaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat kontekstual, holistik dan berteraskan nilai.

3. ***EduHands***

Daya usaha ini berteraskan kepada pengetahuan, kemahiran dan bakat dalam bidang pendidikan serta praktis mendalam tentang prinsip, amalan dalam metodologi pendidikan, kajian, penyelidikan dan perundingan yang dilaksanakan oleh warga fakulti bersama dengan

rakan industri, institusi dan agensi yang terlibat di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan Strategik Fakulti Pendidikan bagi tempoh lima (5) tahun bermula dari tahun 2021 hingga 2025 telah dirangka sebagai satu kerangka hala tuju jangka sederhana yang menyeluruh dan sistematik. Matlamat utama pelan ini adalah untuk merealisasikan visi Fakulti Pendidikan, iaitu menjadi sebuah fakulti yang tersohor dalam bidang pendidikan melalui kecemerlangan akademik dan kesarjanaan, serta dalam usaha melahirkan graduan yang beretika, berwawasan, inovatif, dinamik, dan mampu bersaing di peringkat global. Pelan ini merupakan dokumen strategik yang berperanan sebagai panduan utama dalam melaksanakan pelbagai inisiatif yang menyokong pembangunan fakulti dan pencapaian petunjuk prestasi utama (PI) yang ditetapkan oleh pihak universiti. Pada setiap awal tahun, pihak universiti akan menurunkan sasaran Petunjuk Prestasi (PI) kepada setiap fakulti sebagai panduan prestasi. Berdasarkan sasaran ini, Fakulti Pendidikan akan menganjurkan **Bengkel Perancangan Strategik Fakulti**, yang melibatkan penyertaan aktif daripada semua lapisan pentadbiran termasuk Dekan, Timbalan-Timbalan Dekan, Ketua Program, Koordinator, serta staf akademik dan pentadbiran.

a. SAP ini dibentuk berdasarkan kepada sasaran PI yang diturunkan kepada Fakulti pada setiap awal tahun. Semua projek didaftarkan ke dalam sistem berdasarkan pada persetujuan hasil dari Bengkel Perancangan Strategik. Setiap projek didaftarkan adalah berdasarkan 4 portfolio yang telah dibincang, dibentang dan disahkan oleh semua pihak yang terlibat semasa bengkel yang melibatkkan siri Mesyuarat dan bengkel Perancangan Strategik pada tahun 2022. (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1 Bengkel 2024 & slides pembentangan hasil perancangan strategik)**

b. SAP ini merangkumi pembentukan jawatankuasa bagi setiap projek yang di diluluskan. TD yang bertindak sebagai peneraju akan melantik pengurus program bagi membantu pelaksanaan dan pencapaian PI. Jawatankuasa yang dibentuk ini akan menilai situasi semasa dan jurang pencapaian dan seterusnya mengaplikasi kaedah pelaksanaan yang bersesuaian. Penetapan keutamaan berdasarkan keperluan bajet dan risiko turut ditekankan sewaktu penjajaran inisiatif dengan PI yang berkaitan dibuat.

c. Kesedaran warga tentang PI dan pelan strategik ini dikongsi melalui Mesyuarat bersama Staf Fakulti Pendidikan . Perkongsian data adalah selari dengan sela masa pelaporan BTU yang mengikut Laporan Sukuan.

d. Penyediaan Strategik Action Plan (SAP) yang dirangka oleh setiap Timbalan Dekan kemudiannya dibentangkan kepada Dekan untuk kelulusan dan dimajukan kepada Bahagian Transformasi Universiti (BTU) bagi tujuan rekod dan pemantauan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 1 Senarai projek yang didaftar di skrin SAP)**

e. PSTU bertindak sebagai pemantau keseluruhan inisiatif akan melapor pencapaian setiap inisiatif di sistem UePMO dan menyediakan pelaporan ringkas kepada Dekan (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 1 DATA PENCAPAIAN MENGIKUT PI)** sebagai persediaan bagi menghadapi pembentangan laporan PI oleh BTU yang dilakukan secara berkala 3 bulan sekali. Bagi setiap pelaporan yang dibentangkan oleh PSTU kepada Dekan turut menjadi tanda aras kepada setiap TD untuk menggerakkan inisiatif yang berkaitan dan menambah baik strategi jika perlu. Berikut adalah bukti penyampaian maklumat pencapaian yang dilapor setiap bulan oleh sistem UEPMO.

d. Pencapaian bulanan idikemaskini dalam bentuk infografik bagi memudahkan pemahaman kepada warga berkenaan status pencapaian setiap PI dan di kalangan PTJ lain yang diekstrak PSTU dari Sistem POWER BI. Data dari SISTEM POWER BI adalah data yang lebih tepat untuk pengukuran sebenar pencapaian Fakulti berbanding PTJ-PTJ lain di UiTM. (**Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 1 DATA POWER BI)**

SENARAI BUKTI:

1. F0034_P01_PB02_20251_2.2_BUKTI_1.pdf
2. F0034_P01_PB02_20252_2.2_BUKTI_2.pdf
3. F0034_P01_PB02_20253_2.2_BUKTI_3.pdf
4. F0034_P01_PB02_20254_2.2_BUKTI_4 .pdf
5.

2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Berdasarkan kepada inisiatif yang dirancang oleh setiap peneraju (TD) menunjukkan bagaimana pemetaan inisiatif-inisiatif strategik kepada ketiga-tiga projek utama Fakulti Pendidikan iaitu:

a. Memeterai MoU dan MoA

Fakulti telah mengenal pasti universiti awam, antarabangsa dan rakan industri yang berpotensi. Sesi Meet & Greet telah dilaksanakan dengan pihak yang berpotensi dan relevan kepada keperluan fakulti dan pelajar khususnya bagi mencapai kesefahaman dan seterusnya memeteraikan perjanjian.

SENARAI BUKTI :

1.
2.
3.
4.
5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Inisiatif yang dirancang dipantau dengan teliti untuk memastikan sasaran perancangan strategik tercapai. Fakulti perlu mengenalpasti dan urus risiko yang dihadapi dan sentiasa berusaha membuat penambahbaikan ke atas inisiatif yang dirancang.

SENARAI BUKTI:

1.
2.
3.
4.
5.

2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti Pendidikan telah mengenalpasti risiko dan diambil kira di dalam perancangan strategik supaya PTJ mengambil tindakan mencegah dan mengatasi risiko tersebut.

a) Memeterai MoU dan MoA bersama universiti awam, antarabangsa dan rakan industri yang berpotensi.

Pemeteraian MoU dan MoA berjaya dilaksanakan tetapi pada peringkat perundangan Universiti mengambil masa yang lama dan menyebabkan pemeteraian tidak dapat dilakukan pada tahun semasa. Dari sudut aktiviti bersama, kegagalan dalam melaksanakan aktiviti adalah disebabkan oleh faktor kewangan yang terhad serta kerjasama yang kurang memuaskan daripada pihak rakan MoU/MoA.

SENARAI BUKTI :

1.
2.
3.
4.
5.

2.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Hasil analisa perancangan strategik dilaksanakan untuk tindakan penambahbaikan prestasi bagi mencapai kejayaan setiap projek dan ini dibentangkan oleh setiap Timbalan Dekan kepada semua warga Fakulti akademik mahupun pentadbiran bagi memastikan keterlibatan warga secara inklusif dalam melaksanakan penambahbaikan berdasarkan refleksi yang dibuat. Kepimpinan kanan Fakulti Pendidikan sentiasa menyeru agar warga fakulti menghayati dan memahami ketercapaian PI melalui inisiatif yang telah dirancang. Aspek kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman ditekankan kepada warga untuk kesedaran dan meningkatkan amalan pembudayaan kerja yang lebih positif dalam memastikan aspek-aspek ini digunakan dengan sebaiknya.

Inovasi penambahbaikan perancangan strategik tersebut adalah seperti berikut.Memeterai MoU dan MoA bersama universiti awam, antarabangsa dan rakan industri yang berpotensi.

Lantikan pengurus utama mengikut MoU dan MoA dilaksanakan bagi memastikan perancangan aktiviti di antara pihak universiti dan jaringan dapat dilaksanakan mengikut takwim yang telah dirancang sebagai salah satu pengurusan risiko.

SENARAI BUKTI :

1.
2.
3.
4.
5.

2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Perancangan strategik yang rapi dapat memastikan setiap usaha dapat digembleng dengan berkesan, tersusun dan mencapai matlamatnya. Timbalan-Timbalan Dekan yang bertindak sebagai peneraju projek berbincang dengan jawatankuasa yang ditubuhkan untuk merancang kaedah pelaksanaan inisiatif-inisiatif tersebut.

Amalan pembudayaan kerja yang sihat selalu diingatkan oleh pengurusan atas bagi memastikan minda kerja yang positif ini dapat diamalkan dan memastikan pencapaian objektif dan inisiatif strategik dilaksanakan dan seterusnya mencapai sasaran. Untuk memastikan kejayaan tersebut, Fakulti Pendidikan memerlukan sokongan yang padu dan jitu dari semua warga fakulti termasuklah dalam kalangan kepimpinan kanan, staf akademik dan staf pentadbiran.

Perkongsian maklumat kepada warga fakulti melalui perkongsian pencapaian sasaran fakulti dikongsi bersama warga dari masa ke semasa melalui ruang yang santai (Whatsapp Group) dan juga perkongsian dokumen strategik di google drive bagi melancarkan proses penilaian dan pengukuran prestasi fakulti. (**Lihat BUKTI 1: Gambarajah 1 Tangkap layar Kumpulan Whatsapp**.)

SENARAI BUKTI :

1. F0034_P01_PB05_20251_2.5_BUKTI_1.pdf
2.
3.
4.
5.

KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN

3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pendidikan sentiasa komited untuk meletakkan pelajar sebagai pelanggan utama dalam pelaksanaan program akademik dan pembangunan holistik, selaras dengan aspirasi UiTM sebagai *Globally Renowned University (GRU)* menjelang 2025. Pendekatan yang dilaksanakan berasaskan kerangka **Plan-Do-Check-Act (PDCA)** serta prinsip *EduHead*, *EduHeart* dan *EduHands*.

Plan (Perancangan):
Fakulti telah mengenal pasti keperluan pelajar berdasarkan dapatan maklum balas, pencapaian akademik serta input daripada pensyarah dan rakan strategik. Fokus utama diberikan kepada pengukuhan akademik (***EduHead***), jaringan dan kompetensi global (***EduHeart***), serta kesejahteraan dan kemahiran insaniah pelajar (***EduHands***). Pelbagai program berimpak tinggi seperti Math Academy, ACPES, iSOLA, AE Clinic dan Global Wellness Leadership Week dirangka untuk menjawab keperluan ini.

Do (Pelaksanaan):
Program dilaksanakan secara sistematik dengan penglibatan aktif pelajar sebagai fasilitator, penyelidik, dan pemimpin bersama pensyarah serta rakan industri dan antarabangsa. Sebagai contoh, pelajar ISMP Matematik bertindak sebagai tutor dalam Math Academy yang turut melibatkan komuniti luar, manakala program ACPES dan iSOLA memberikan platform untuk pembentangan akademik antarabangsa. EduHands pula memperkasakan pelajar melalui kepimpinan dalam program rentas budaya dan kesejahteraan global.

Check (Pemantauan):
Setiap program dipantau secara berstruktur melalui borang maklum balas, log refleksi, laporan pasca-program, penilaian pra dan pasca serta dokumentasi visual. Dapatan daripada pemantauan menunjukkan peningkatan signifikan dalam keyakinan, kefahaman konsep akademik dan keterlibatan pelajar. Contohnya, hasil artSMart x iSOLA menunjukkan peningkatan pengetahuan peserta dan penghasilan prosiding berindeks.

Act (Tindakan Penambahbaikan):
Kepimpinan Kanan Fakulti melaksanakan tindakan susulan melalui analisis data program. Penambahbaikan termasuklah hebahan berfasa, penyediaan rakaman sesi bengkel, pelaksanaan ‘mock presentation’, dan penambahbaikan aspek logistik untuk program luar negara. Selain itu, penghasilan modul, penerbitan akademik dan video latihan turut menjadi inovasi yang memperluaskan capaian dan impak kepada pelajar di dalam dan luar UiTM.

Pendekatan berteraskan PDCA ini membuktikan keupayaan fakulti dalam mentransformasi pengalaman pelajar secara menyeluruh, menyumbang kepada pembangunan graduan holistik dan memperkukuh jenama UiTM di persada global.

3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pendidikan UiTM meletakkan pelajar sebagai pelanggan utama dalam setiap inisiatif akademik dan pembangunan holistik. Menyokong aspirasi UiTM ke arah Globally Renowned University (GRU), fakulti mengamalkan pendekatan sistematik berteraskan tiga tunjang utama: ***EduHead***, ***EduHeart***, dan ***EduHands***, bagi membentuk pendidik berintelek, beretika dan berdaya saing global.

Melalui ***EduHead***, program Math Academy diperkenalkan untuk memperkukuh penguasaan pelajar dalam bidang STEM, khususnya dalam pengajaran Matematik. Pelajar Fakulti Pendidikan bertindak sebagai tutor kepada pelajar sekolah menengah melalui modul interaktif. Selain mengaplikasi pedagogi secara langsung, pelajar membina keyakinan dalam pengurusan kelas dan komunikasi. Komuniti luar turut menerima manfaat melalui akses kepada bimbingan berkualiti. Pendekatan ini mengukuhkan peranan fakulti dalam meningkatkan literasi STEM negara, selari dengan aspirasi GRU. **(Rujuk Bukti 1: Gambarajah 1 Aktiviti dan poster program Math Academy)**

Dalam dimensi ***EduHeart***, program ACPES (Asia Community and Pre-Service Educator Symposium) menghimpunkan pelajar dari Malaysia, Indonesia, Thailand dan Filipina dalam forum ilmiah dan pembentangan penyelidikan pendidikan. Pelajar diberi ruang menyuarakan pandangan profesional dan membina jaringan antarabangsa. Mereka memperoleh keyakinan diri, literasi global dan empati budaya. Pensyarah pula terlibat sebagai penyelia akademik dan pemudah cara. Fakulti mendapat pengiktirafan serantau dan peningkatan keterlibatan dalam komuniti profesional pendidikan. Pendekatan ini menyumbang kepada pembangunan pelajar seimbang dan memperkukuh jenama UiTM di peringkat antarabangsa. **(Rujuk Bukti 2: Gambarajah 1 Sesi fotografi dan poster ACPES 2024)**

Bagi ***EduHands***, Global Wellness Leadership Week 2024 dilaksanakan untuk membina kemahiran insaniah, kepimpinan dan kesejahteraan pelajar. Program ini melibatkan pelajar tempatan dan antarabangsa dari UNJ, FTU dan UPNM dalam aktiviti seperti fun run, forum kesihatan KKM, kempen GEG, dan sesi silang budaya. Pelajar Fakulti Pendidikan berperanan sebagai hos dan fasilitator, mengasah kemahiran organisasi dan komunikasi rentas budaya. Mereka meningkatkan kesedaran kesihatan diri dan kemahiran mengurus program berskala besar. Fakulti turut memperkukuh jaringan dengan agensi seperti KKM dan institusi luar. EduHands menyumbang kepada pembangunan graduan holistik dan menyokong misi GRU melalui keterlibatan komuniti antarabangsa **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 1 Antara program Global Wellness Week)**.

Secara keseluruhannya, pendekatan Fakulti Pendidikan UiTM yang berteraskan ***EduHead***, ***EduHeart*** dan ***EduHands*** menunjukkan komitmen berfokus dalam membangunkan pelajar sebagai pelanggan utama. Semua inisiatif dibentuk berasaskan analisis keperluan, disokong data dan jaringan strategik. Gabungan kecemerlangan akademik, pemupukan nilai dan kemahiran praktikal ini bukan sahaja melahirkan pendidik berkualiti, tetapi juga memposisikan fakulti sebagai penyumbang aktif dalam ekosistem pendidikan nasional dan global.

SENARAI BUKTI:

1. F0034_T01_TB02_20251_3.2_BUKTI_1.pdf
2. F0034_T01_TB02_20252_3.2_BUKTI_2.pdf
3. F0034_T01_TB02_20253_3.2_BUKTI_3.pdf
4.
5.

3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelajar yang juga pemegang taruh kepada sesebuah universiti merupakan pelanggan dalaman FPend. Bagi memastikan kepuasan hati pelanggan sentiasa dalam tahap terbaik, segala data pelanggan telah dikenalpasti, dikumpul, dan disimpan secara teratur. Penyimpanan maklumat penting dari pelanggan memudahkan proses pemantauan dan penambahbaikan setiap projek yang telah dijalankan. Data berkaitan pelaksanaan dikumpulkan secara berkala dalam bentuk hardcopy atau softcopy oleh ketua projek. Selain itu, setiap program melibatkan pelajar serta pencapaian pelajar akan dimuatnaik di media sosial rasmi FPend. Hal ini memudahkan seluruh warga UiTM dan pelanggan luar FPend untuk mencapai segala maklumat terkini mengenai pelajar FPend.

Melalui inisiatif ***EduHead*** yang menekankan pembangunan akademik individu, penganjuran AE Clinic membantu pelajar menyelesaikan projek tahun akhir dengan lebih yakin dan tersusun, selari dengan aspirasi GRU2025 yang berteraskan Quality Education meningkatkan kualiti penyeliaan, penulisan akademik, dan penyelidikan pelajar. **Poster AE Clinic** menjadi hebahan untuk setiap sesi bengkel yang dikhususkan kepada pelajar dan dikongsikan melalui Whatsapp pelajar dan fakulti. AE Clinic berlangsung sepenuhnya di atas talian dan rakaman setiap slot dimuatnaik ke Youtube rasmi FPend **(Rujuk BUKTI 1: Pautan 1)**. Justeru itu, pelajar di seluruh UiTM mahupun institusi lain turut berpeluang mengakses video tersebut sekaligus membolehkan mereka memperoleh manfaat serta pengetahuan dari slot yang dijalankan.

EduHeart yang memfokuskan kemahiran membina rangkaian berimpak banyak mengetengahkan program signature FPend. Math Academy merupakan inisiatif FPend dan Mathematics Education Students Association (MESA) bagi meningkatkan penguasaan asas Matematik dalam kalangan pelajar ISMP Matematik dengan mengaplikasikan segala yang dipelajari dan melatih mahasiswa berfikir secara kritis dan kreatif dari sudut keusahawanan seperti yang disarankan oleh UiTM. Teras GRU2025 yang mementingkan aspek v*alue-driven performance* dapat dilihat menerusi Math Academy yang menyemai nilai tanggungjawab sosial, kepimpinan akademik, dan semangat keusahawanan. Hebahan program dilakukan secara terbuka melalui emel dan media sosial kepada pelajar sekolah, komuniti ibu bapa dan organisasi sekitar **(Rujuk BUKTI 1: Pautan 2)**. Ini sejajar dengan matlamat universiti untuk melahirkan graduan holistik yang bukan sahaja cemerlang akademik tetapi juga berperanan aktif sebagai agen perubahan dalam komuniti.

Global Wellness Leadership Week (GWLW) merupakan program berimpak tinggi yang mengangkat tema kesejahteraan global yang bersifat sejagat. Program dibawah inisiatif EduHands yang memperkasakan kepimpinan dan kesejahteraan mahasiswa ini menyaksikan penglibatan penuh Sekretariat Mahasiswa Fakulti Pendidikan (SMFP) dengan kerjasama UCS dan SMF dari 7 PTJ lain seluruh UiTM. Pembahagian tugas yang jelas menjadikan pelaksanaan program lebih sistematik, dan maklum balas yang dikumpulkan daripada ahli jawatankuasa pelaksana menunjukkan bahawa GWLW melatih kepimpinan sebenar secara *'learning by doing'* **(Rujuk BUKTI 1: Pautan 3)**.

Pelajar yang juga pemegang taruh kepada sesebuah universiti merupakan pelanggan dalaman FPend. Bagi memastikan kepuasan hati pelanggan sentiasa dalam tahap terbaik, segala data pelanggan telah dikenalpasti, dikumpul, dan disimpan secara teratur. Penyimpanan maklumat penting dari pelanggan memudahkan proses pemantauan dan penambahbaikan setiap projek yang telah dijalankan. Data berkaitan pelaksanaan dikumpulkan secara berkala dalam bentuk hardcopy atau softcopy oleh ketua projek. Selain itu, setiap program melibatkan pelajar serta pencapaian pelajar akan dimuatnaik di media sosial rasmi FPend. Hal ini memudahkan seluruh warga UiTM dan pelanggan luar FPend untuk mencapai segala maklumat terkini mengenai pelajar FPend.

<u>SENARAI BUKTI :</u>

1. F0034_T01_TB03_20251_3.3_BUKTI 1.pdf
2.
3.
4.
5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Fakulti Pendidikan melaksanakan pemantauan yang sistematik terhadap program utama seperti **iSOLA** dan **artSMart**, bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dan impaknya terhadap pelanggan utama, iaitu pelajar. Pemantauan dilakukan melalui pendekatan kuantitatif dan kualitatif, termasuk borang maklum balas, refleksi kendiri, portfolio, serta dokumentasi pelaporan pensyarah dan komuniti terlibat.

iSOLA (International Symposium of Language and Arts Education) merupakan program tahunan fakulti yang telah memasuki edisi kelima pada tahun 2024. Ia menghimpunkan pelajar dan pensyarah dari institusi dalam dan luar negara seperti Universitas Negeri Yogyakarta, Universiti Pendidikan Indonesia dan Universiti Malaya. Pemantauan program iSOLA 2024 dilaksanakan melalui dokumentasi menyeluruh termasuk laporan rasmi, penerbitan akademik dan bahan visual. Sebanyak 46 kertas kerja pelajar dan pensyarah diterbitkan dalam prosiding berindeks, manakala 125 karya seni pelbagai disiplin dipamer dan direkodkan dalam katalog ber-ISBN. Aktiviti khidmat masyarakat di Pasantren Bima Bakhti dinilai melalui laporan aktiviti, refleksi peserta dan hasil kerja seperti mural dan modul pendidikan silang budaya. **(Lihat BUKTI 1: Pautan 1 Buku extended abstract iSOLA)**

Keberkesanan program artSMart x ISOLA 2024 dipantau secara sistematik melalui penilaian pra dan pasca aktiviti berdasarkan lima kluster utama: Pendidikan, Kesenian, Kebersihan, Sukan & Kesihatan, dan Kerohanian. Seramai 88 peserta daripada Pondok Pesantren dan Panti Asuhan Bima Bakhti, Yogyakarta, terlibat dalam aktiviti yang direka bentuk oleh pensyarah dan pelajar Fakulti Pendidikan UiTM serta institusi rakan. Dapatan menunjukkan peningkatan signifikan dalam pengetahuan dan kesedaran peserta, termasuk peningkatan kefahaman konsep sains (14% kepada 70%) dan nilai sivik (hingga 98.5%). Pemantauan ini bukan sahaja mengukur keberkesanan capaian komuniti, malah turut memberi impak besar kepada pelajar dan pensyarah sebagai pelanggan utama pelajar memperoleh pengalaman langsung dalam merancang, melaksana dan menilai intervensi pendidikan, manakala pensyarah dapat memperkukuh peranan mereka sebagai pemimpin akademik berimpak sosial. Data pemantauan telah dimanfaatkan untuk penambahbaikan modul serta menjadi bukti pencapaian hasil pembelajaran yang menyokong aspirasi UiTM sebagai universiti tersohor global yang berteraskan kesejahteraan komuniti dan pemindahan ilmu. **(Lihat BUKTI 1: Pautan 2 Laporan artSMartxISOLA)**

Pemantauan sistematik terhadap iSOLA dan artSMart membuktikan impak positif kepada pelajar dan pensyarah melalui peningkatan pengetahuan peserta, penerbitan akademik, dan refleksi kendiri. Dapatan digunakan bagi penambahbaikan berterusan sejajar aspirasi UiTM dalam pemindahan ilmu dan kesejahteraan komuniti.

SENARAI BUKTI:

1. F0034_T01_TB04_TC01_20251_3.4.1_BUKTI 1.pdf
2.
3.
4.
5.

3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Fakulti Pendidikan menggunakan pendekatan **Risk-Based Thinking (RBT)** sebagai **strategi utama dalam mengenal pasti, menilai dan mengurus risiko** yang boleh menjejaskan keberkesanan program pembangunan pelajar. Pendekatan ini memberi penekanan kepada langkah **pencegahan dan mitigasi awal**. RBT **bukan sahaja menilai kemungkinan berlakunya risiko, tetapi juga memberi tumpuan kepada keberkesanan kawalan dalaman serta tindak balas terhadap sebarang ketidakpastian dalam pelaksanaan program.**

Tiga program utama yang menjadi tumpuan bahagian ini ialah ***Scholarship Catalyst*** **melalui aktiviti** ***Research Masterclass Series*** **(*EduHead*), *artSMart x ISOLA 2024* (*EduHeart*), dan *ACPES 2024* (*EduHands*)**.

Antara risiko utama yang dikenal pasti ialah (**1) tahap penglibatan pelajar yang rendah, (2) kelemahan koordinasi oleh pelaksana pelajar, (3) kekangan logistik dan sumber kewangan, (4) keselamatan pelajar berada di luar negara serta (5) risiko tekanan psikososial.**

Sebagai contoh, dalam *Research Masterclass Series* yang bertujuan membantu pelajar menyiapkan penulisan Projek Penyelidikan Tahun Akhir, **risiko tahap penglibatan pelajar yang rendah seperti ketidakhadiran pelajar dikenal pasti sebagai ancaman utama**. Bagi mengurangkan risiko ini, **hebahan awal** telah dibuat melalui poster digital, media sosial dan Telegram rasmi pelajar, disusuli dengan sokongan pensyarah penyelia yang menggalakkan kehadiran **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1 dan Pautan 1-6)**. Selain itu, webinar yang telah dijalankan turut dirakam dan disiarkan di YouTube bagi memudahkan pelajar yang tidak dapat hadir menonton webinar tersebut.

Untuk a*rtSMart x ISOLA*, **kekangan logistik dan sumber kewangan** mungkin berlaku. Terdapat juga **risiko keselamatan pelaja**r Justeru, ianya diatasi dengan kerjasama universiti tempatan di Jogjakarta dalam menyediakan penginapan **(Rujuk BUKTI 2)**, pengambilan insurans perjalanan dan insurans pelajar **(Rujuk BUKTI 3 Gambarajah 1)**, serta pelantikan pegawai pengiring . Sementara itu, *ACPES 2024* melibatkan pembentangan akademik antarabangsa oleh pelajar yang mungkin **menimbulkan risiko gementar dan kebimbangan** di kalangan pelajar yang menjadi pembentang. Risiko ini diatasi melalui bengkel persediaan, sesi “mock presentation” bersama pensyarah yang terlibat**(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 2 latihan pembentangan ACPES)**

Sebagai langkah mitigasi risiko langkah-langkah seperti **pengawasan oleh penyelaras akademik, serta pelaporan pasca-program termasuk data kehadiran, borang refleksi, dan penilaian keberkesanan telah dijalankan**(**Rujuk BUKTI 5: laporan AE webinar)**. Pendekatan RBT ini memastikan setiap program diselaraskan dengan keperluan sebenar pelajar serta menyokong pembangunan holistik seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Fakulti.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_T01_TB04_TC02_20251_3.4.2_BUKTI 1.pdf
2. F0034_T01_TB04_TC02_20252_3.4.2_BUKTI 2.pdf
3. F0034_T01_TB04_TC02_20253_3.4.2_BUKTI 3.pdf
4. F0034_T01_TB04_TC02_20254_3.4.2_BUKTI 4.pdf
5. F0034_T01_TB04_TC02_20255_3.4.2_BUKTI 5.pdf

3.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan Kanan Fakulti Pendidikan melaksanakan analisa berasaskan data dan refleksi pasca-program sebagai asas utama dalam penambahbaikan prestasi, khususnya berkaitan program pembangunan pelajar. Hasil dapatan daripada pelaporan kehadiran, borang refleksi, penilaian pasca-aktiviti serta sesi libat urus bersama pelajar dianalisis secara sistematik bagi mengenal pasti jurang keberkesanan dan peluang penambahbaikan.

Sebagai contoh, melalui ***Research Masterclass Series*** (***EduHead***), data kehadiran menunjukkan keperluan untuk meningkatkan penglibatan pelajar. Maka, penambahbaikan dibuat melalui pelbagai pendekatan komunikasi seperti hebahan berfasa, kerjasama bersama penyelia akademik serta penyediaan rakaman webinar di YouTube bagi meningkatkan capaian fleksibel. Keberkesanannya dipantau melalui bilangan tontonan dan maklum balas pelajar selepas sesi.

Bagi **artSMart x ISOLA 2024** (***EduHeart***), analisis risiko logistik dan keselamatan menunjukkan keperluan penyelarasan lebih awal. Maka, kepimpinan menyelaraskan perancangan bersama rakan universiti di Jogjakarta, menetapkan prosedur keselamatan, melantik pegawai pengiring dan memastikan semua pelajar dilindungi insurans perjalanan. Penilaian pasca-program menunjukkan peningkatan tahap kepuasan pelajar terhadap aspek pengurusan dan pengalaman antarabangsa.

Dalam **ACPES 2024** (***EduHands***) pula, dapatan menunjukkan sesetengah pelajar pembentang mengalami tekanan psikososial. Susulan itu, bengkel persediaan ditambahbaik, termasuk latihan simulasi (“mock presentation”) bersama pensyarah, serta penyediaan sokongan emosi oleh mentor akademik. Hasilnya, pelajar menunjukkan peningkatan keyakinan dan prestasi semasa pembentangan.

Kesemua penambahbaikan ini didokumentasikan dan dipantau melalui laporan pasca-aktiviti. Pendekatan ini membuktikan komitmen Kepimpinan Kanan terhadap kitaran penambahbaikan berterusan, selaras dengan amalan pengurusan berkualiti dan matlamat pembangunan holistik pelajar.

SENARAI BUKTI :

1.
2.
3.
4.
5.

3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tindakan penambahbaikan yang dilaksanakan oleh Fakulti Pendidikan UiTM telah menunjukkan keberkesanan tinggi dalam mencapai objektif pembangunan pelajar secara menyeluruh. Proses ini dipacu melalui kitaran **Plan–Do–Check–Act (PDCA)**, di mana setiap program dirancang berasaskan analisis keperluan, dilaksanakan secara sistematik, dipantau melalui instrumen penilaian, dan ditambah baik berasaskan dapatan data serta refleksi peserta.

Sebagai contoh, dalam ***Research Masterclass Series*** (*EduHead*), pelbagai strategi seperti hebahan berfasa, penglibatan penyelia akademik dan penyediaan rakaman bengkel di saluran YouTube rasmi FPend telah meningkatkan penglibatan pelajar secara signifikan. Pendekatan ini bukan sahaja memperluas capaian kepada pelajar UiTM seluruh negara, malah memupuk budaya pembelajaran kendiri yang fleksibel.

Dalam a**rtSMart x ISOLA 2024** (***EduHeart***), tindakan penambahbaikan termasuk kerjasama dengan institusi antarabangsa, pelantikan pegawai pengiring, dan perlindungan insurans telah memperkukuh aspek logistik dan keselamatan. Program ini bukan sahaja memberi pendedahan antarabangsa kepada pelajar, tetapi turut menggabungkan kesemua **kertas kerja** yang diterbitkan dalam **prosiding ber-ISBN**, menandakan impak intelektual program terhadap pelajar dan pensyarah.

Sementara itu, **ACPES 2024** (***EduHands***) mencerminkan elemen **Transformative Learning Theory (Mezirow, 1991)** apabila pelajar mengalami perubahan signifikan dari segi keyakinan diri, empati budaya dan identiti profesional. Melalui bengkel persediaan, *mock presentation* dan bimbingan mentor, pelajar berjaya menyesuaikan diri dalam konteks pembentangan antarabangsa, menzahirkan transformasi yang mendalam terhadap perspektif dan kompetensi mereka sebagai pendidik masa depan.

Keseluruhannya, gabungan teori PDCA dan Transformative Learning membuktikan bahawa integrasi tindakan penambahbaikan yang sistematik, reflektif dan responsif mampu meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar, melahirkan graduan holistik, dan memperkukuh kedudukan Fakulti Pendidikan di peringkat nasional dan global sebagai institusi yang berfokuskan pelanggan dan berdaya saing.

<u>SENARAI BUKTI :</u>

1.
2.
3.
4.
5.

KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN

4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pendidikan telah melaksanakan empat inisiatif utama sepanjang tahun 2024 di bawah pelbagai teras: Global Academic Synergy (*EduHead*), artSMart (*EduHeart*), Math Academy (*EduHeart*), dan Global Wellness Leadership Week 2024 (*EduHands*). Penulisan ini memberi tumpuan kepada usaha fakulti dalam memperkukuh kualiti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) melalui pendekatan terancang berasaskan data dan pembangunan komuniti global.

Global Wellness Leadership Week 2024 (*EduHands*) menampilkan aktiviti berimpak tinggi berteraskan kesejahteraan holistik, kepimpinan pelajar, dan global citizenship. Program ini dirancang untuk memupuk kesedaran kesihatan mental dan fizikal melalui forum antarabangsa, cabaran kesejahteraan, dan bengkel kerohanian dan emosi. Pemantauan dilakukan melalui laporan refleksi dan instrumen kesejahteraan kendiri. Penambahbaikan akan menumpukan kepada penglibatan lebih banyak rakan global serta platform digital bagi capaian lebih luas. Kesemua program ini menyokong amalan pengajaran dan pembelajaran berasaskan data serta penambahbaikan berterusan melalui pelaksanaan kitaran PDCA (Plan–Do–Check–Act). Fasa perancangan (Plan) dimulakan dengan penilaian keperluan, perincian objektif program, serta pembangunan reka bentuk aktiviti yang bersesuaian dengan sasaran dan hasil pembelajaran yang dihasratkan. Fasa pelaksanaan (Do) melibatkan pengendalian program secara aktif bersama pelajar, komuniti setempat dan rakan kolaborasi, dengan tumpuan kepada pendekatan holistik, berasaskan pengalaman sebenar dan pemusatan pelajar. Fasa pemantauan (Check) dilaksanakan secara sistematik melalui kaedah kualitatif dan kuantitatif seperti soal selidik, pemerhatian lapangan, laporan reflektif, dan analisis prestasi. Seterusnya, fasa tindakan (Act) merujuk kepada pelaksanaan penambahbaikan berdasarkan hasil analisa, termasuk penyemakan semula strategi pelaksanaan, pengukuhan intervensi yang berkesan, serta perluasan jaringan kerjasama. Pendekatan ini memastikan fakulti kekal progresif dalam menyampaikan pendidikan berkualiti, selaras dengan aspirasi Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Program artSMart (*EduHeart*) pula memfokuskan pembangunan murid komuniti Orang Asli melalui modul pembelajaran yang mesra budaya, merentas kurikulum, dan berpaksikan nilai seni, teknologi dan komuniti. Pelaksanaan melibatkan penghasilan modul Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris, aktiviti pameran, serta latihan guru dan pelajar. Pemantauan dibuat melalui pra dan pasca penilaian, refleksi pelajar, maklum balas komuniti, dan pemerhatian lapangan. Data ini dianalisis bagi memperkukuh impak sosial dan akademik, dan penambahbaikan dilakukan dengan memperluas rangkaian tajaan, penerbitan, dan penyertaan antarabangsa.

Math Academy (*EduHeart*) yang dianjurkan oleh pelajar MAESA memberi fokus kepada peningkatan pencapaian Matematik sekolah dan kemahiran mengajar pelajar Fakulti Pendidikan. Ia dirancang dengan kerjasama sekolah setempat dan PIBG, dijalankan melalui klinik Matematik, latihan pedagogi, dan aktiviti mentoring. Keberkesanan dinilai melalui prestasi murid, pemerhatian pensyarah, dan maklum balas peserta. Penambahbaikan tertumpu kepada pengayaan modul pengajaran dan peluasan jaringan sekolah terlibat.

4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pencapaian program **Global Wellness Leadership Week 2024** diukur melalui pelaksanaan menyeluruh pelbagai aktiviti antarabangsa yang melibatkan kolaborasi strategik antara UiTM dan institusi luar negara seperti Universitas Negeri Jakarta (UNJ), Universitas Halu Oleo, dan Burapha University, Thailand. Penilaian pencapaian disandarkan kepada indikator seperti jumlah penyertaan, keberkesanan pelaksanaan, keterlibatan pelbagai fakulti dan agensi luar, serta impak kepada pembangunan pelajar. Program ini berjaya menarik **5196 peserta** dari dalam dan luar negara merentas **15-19 Mei 2024** di UiTM Kampus Puncak Alam **(Rujuk BUKTI 1: Laporan Global Wellness Leadership Week 2024.**

Seramai 5196 pelajar dari sembilan fakulti dan dua kampus cawangan UiTM, bersama pelajar antarabangsa dari dua program pengajian di UNJ telah menyertai secara aktif dalam pelbagai aktiviti seperti **Global Innovation Forum**, **Student Leaders Symposium**, **International Ikon Muaddib 2024**, **aktiviti kesukarelawanan**, **#Cityxplore**, dan **E-Sports Championships**. Setiap aktiviti tersebut direka bentuk secara bersama oleh pensyarah dan pelajar dengan pendekatan pengalaman secara langsung (*experiential learning*), sekaligus memberi peluang kepada pelajar mengasah kemahiran insaniah seperti komunikasi, kerja berpasukan, kepimpinan dan pengurusan projek **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 1(a) & 2(b)**.

Pencapaian program **artSMart** diukur melalui **pelaksanaan aktiviti khidmat komuniti yang berkualiti**, **impak terhadap pembangunan pelajar** dari segi **kemahiran insaniah**, dan **keberkesanan kolaborasi antara universiti dan komuniti setempat**. Penilaian pencapaian program ini disandarkan kepada beberapa indikator utama, termasuk tahap penglibatan pelajar, maklum balas daripada peserta komuniti, serta hasil projek yang dipamerkan seperti poster, bahan reka bentuk, dan laporan reflektif pelajar. Sebagai contoh, artSMart Siri 8 telah melibatkan lebih 300 pelajar dan memberi manfaat kepada lebih 400 Orang Asli daripada 20 kampung di Kuala Lipis, Pahang (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a)**. Program ini turut dilaksanakan selaras dengan kerangka **Service-Learning Malaysia iaitu University for Society (SULAM)**, yang menekankan **pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman** untuk membina **kemahiran abad ke-21** dalam kalangan pelajar (**Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(b)**.

Pencapaian program **Math Academy: Mastery in Math** diukur melalui beberapa kaedah penilaian yang komprehensif. Salah satu ukuran utama ialah **maklum balas daripada ibu bapa (Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4(a) dan fasilitator (Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4(b)** yang menunjukkan tahap kepuasan serta keberkesanan pendekatan pengajaran yang digunakan. Selain itu, **maklum balas positif dari guru sekolah berkenaan peningkatan GMP Matematik pelajar SPM 2024 (Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4(c) dan pencapaian pelajar SPM 2024 (Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4(d)**telah menjadi bukti kepada keberkesanan program math academy kepada pelajar dan pihak sekolah. Bagi mahasiswa Pendidikan Matematik, pencapaian mereka diukur melalui **penilaian terhadap kemahiran mengajar, penyediaan bahan bantu mengajar, serta keupayaan mengendalikan kumpulan pelajar dengan berkesan**. Math Academy juga telah menerima permintaan rasmi dari **TIGA (3)** buah sekolah untuk membuka kelas tambahan Matematik. Ini merupakan satu pencapaian yang membuktikan kepercayaan komuniti luar terhadap impak dan kualiti program ini **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 4(e).**

SENARAI BUKTI:

1. F0034_A01_AB02_20251_4.2_BUKTI 1.pdf
2. F0034_A01_AB02_20252_4.2_BUKTI 2.pdf
3. F0034_A01_AB02_20253_4.2_BUKTI_3.pdf
4. F0034_A01_AB02_20254_4.2_BUKTI 4.pdf

4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

artSMart

Bagi program artSMart, data dikumpulkan melalui pemerhatian lapangan, dokumentasi visual, borang maklum balas komuniti, dan laporan reflektif pelajar. **Hasil penganalisisan menunjukkan peningkatan prestasi akademik, motivasi kehadiran ke sekolah, serta perkembangan kemahiran sosial dan komunikasi dalam kalangan murid Orang Asli yang terlibat. Di samping itu, guru-guru turut melaporkan peningkatan dalam kemahiran pedagogi, termasuk penggunaan pendekatan yang kreatif, inovatif dan berasaskan budaya komuniti** (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a) dan Gambarajah 1(b)**. Dapatan ini menunjukkan keberkesanan penilaian berasaskan data yang diperoleh sepanjang pelaksanaan projek. Keberkesanan program turut dinilai melalui **penglibatan aktif pelajar dalam aktiviti komuniti, hasil produk inovasi seni yang dihasilkan** (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(c)**, serta **maklum balas positif daripada pihak kolaborator** seperti Institut Pendidikan Guru dan komuniti setempat serta pihak antarabangsa seperti Pondok Pesantren dan Panti Asuhan Bima Bakhti di Yogyakarta, Indonesia melalui pelaksanaan artSMart 2024 di peringkat serantau (**Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(d).**

MATH ACADEMY

Manakala program Math Academy pula mengadaptasi model **PDCA (Plan, Do, Check, Analyze)** sebagai pendekatan sistematik dan profesional bagi memastikan pelaksanaannya bukan sahaja berkesan, tetapi juga mampan dan berimpak tinggi. **Latihan wajib bagi fasilitator iaitu melalui Program Facilitator Module for Future Educator (FAMED)** telah diberikan kepada fasilitator untuk melatih bakal pendidik dari aspek pedagogi, komunikasi, pengurusan bilik darjah, dan etika pendidikan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a).** Selain itu, **perbincangan strategik bersama Board of Advisors (Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(b)** yang melibatkan alumni dan pemegang taruh dari pelbagai bidang termasuk guru sekolah rendah dan menengah, pensyarah dan pengurus pendidikan telah diadakan secara berkala bagi menyemak pelan tindakan dan memberi input berdasarkan pengalaman dunia sebenar. Di samping itu, **perbincangan bersama pihak NKA Sdn Bhd** sebagai penasihat strategik **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(c)**. **Bengkel pembangunan Silibus dan Modul Kelas** juga turut diadakan bagi tujuan pengukuhan fasilitator Math academy **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(d).** Akhir sekali adalah **edaran Poster ke Sekolah-Sekolah secara fizikal** telah disebarkan ke sekolah sasaran sebagai salah satu bentuk hebahan yang mendekati komuniti secara terus (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(e).**

GLOBAL WELLNESS LEADERSHIP WEEK 2024

Aktiviti utama termasuk **simposium kepimpinan pelajar**, **perasmian oleh Menteri Kesihatan Malaysia**, **aktiviti kesukarelawanan di Sekolah Indonesia Kuala Lumpur**, dan pertandingan **Ikon Muaddib Antarabangsa**. Program ini memupuk kesedaran tentang kesejahteraan holistik dengan tumpuan terhadap kesihatan mental, kepimpinan pelajar, serta nilai perpaduan dan silang budaya. Aktiviti yang dilaksanakan selaras dengan prinsip **SDG 3 (Kesihatan Baik), SDG 4 (Pendidikan Berkualiti)** dan **SDG 9 (Inovasi dan Infrastruktur)** memberi ruang kepada pelajar mengembangkan kemahiran insaniah seperti komunikasi, empati, dan kolaborasi global. Fokus operasi aktiviti juga dilaksanakan merentas bidang termasuk:

- **"Global Innovation Forum"** (Fakulti Sains Gunaan),
- **"Student Leaders Symposium"** (Fakulti Sains Pentadbiran),
- **Ikon Muaddib Antarabangsa** (Fakulti Pendidikan & UiTM Cawangan Pahang),
- **"Volunteerism"** (Fakulti Agroteknologi dan Perladangan & Fakulti Perhotelan dan Pengurusan Perlancongan, UiTM)
- **"Cityxplore"** (Fakulti Agroteknologi dan Perladangan, UiTM)
- **E-Sports Championships** (Fakulti Perakaunan, UiTM).

(Rujuk BUKTI 3: Pautan 1 dan gambarajah 3(a) & 3(b)

SENARAI BUKTI :

1. F0034_A01_AB03_20251_4.3_BUKTI_1.pdf
2. F0034_A01_AB03_20252_4.3_BUKTI 2.pdf
3. F0034_A01_AB03_20253_4.3_BUKTI 3.pdf

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

RESEARCH MASTERCLASS SERIES

Dari segi pemantauan,penganjur program Research Masterclass Series ini telah mengkaji keberkesanan program melalui maklum balas pelajar **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1)** kepada penyelia penyelidikan masing-masing. Data yang dikumpul ini telah membantu pensyarah yang terlibat di dalam bengkel tersebut untuk mengenal pasti kelemahan bengkel bagi memudahkan proses penambahbaikan kandungan pengajaran.

artSMart

Pemantauan program artSMart dilaksanakan melalui kaedah pra dan pasca penilaian menggunakan soal selidik serta analisis peratusan markah dalam subjek Sains, Bahasa Inggeris, Matematik serta Kluster Kebersihan dan Keceriaan, Kesenian, Kerohanian dan Sukan dan Kesihatan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) , Gambarajah 2(b), Gambarajah 2(c) dan Gambarajah 2(d)** Data ini membantu penganjur mengenal pasti perubahan pengetahuan, kefahaman dan kemahiran peserta. Hasil penganalisisan digunakan untuk memperkukuh pendekatan “fun learning” dan mengembangkan modul intervensi yang lebih berkesan. Dapatan ini turut dikongsi dalam laporan akhir, dibincangkan bersama rakan kolaborator, dan dijadikan asas untuk penambahbaikan reka bentuk aktiviti dalam pelaksanaan artSMart yang akan datang (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(e).**

MATH ACADEMY

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Math Academy dan mengekalkan standard kualiti yang tinggi, satu sistem pemantauan yang konsisten telah dibangunkan iaitu melalui **refleksi Mingguan Fasilitator** yang dijalankan secara berkumpulan bagi berkongsi cabaran, kejayaan dan cadangan penambahbaikan **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a)**. Selain itu, **Post-Mortem Suku Tahunan** juga dilakukan bersama penasihat program untuk menilai kemajuan program secara menyeluruh **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(b).** Perbincangan ini merangkumi data kehadiran, prestasi pelajar, pengurusan modul dan cadangan transformasi untuk fasa seterusnya. Math Academy menjadikan data dan maklum balas sebagai asas kepada penambahbaikan berterusan. Analisis dilakukan secara berkala terhadap perjalanan projek untuk memastikan ia sentiasa relevan, responsif dan berkesan terhadap keperluan pelajar serta fasilitator.

GLOBAL WELLNESS LEADERSHIP WEEK 2024

Setiap aktiviti didokumentasi secara sistematik merangkumi laporan pelaksanaan, senarai peserta, dan hasil output program. Keberkesanan pelaksanaan turut **didokumentasi melalui laporan bergambar dan laporan berita rasmi UiTM (Rujuk BUKTI 4**: **Pautan 1** UiTM News Portal & **BUKTI 5: Gambarajah 5(a), Gambarajah 5(b), Gambarajah 5(c) & Gambarajah 5(d)**. Pelajar menerima **sijil penyertaan** dan nilai kredit kokurikulum sebagai pengiktirafan. Program ini juga mendapat liputan media dalaman dan antarabangsa, menunjukkan keberhasilan komunikasi strategik dan pencapaian standard antarabangsa.

SENARAI BUKTI:

1. F0034_A01_AB04_AC01_20251_4.4.1_BUKTI 1.pdf
2. F0034_A01_AB04_AC01_20252_4.4.1_BUKTI 2.pdf
3. F0034_A01_AB04_AC01_20253_4.4.1_BUKTI 3.pdf
4. F0034_A01_AB04_AC01_20254_4.4.1_BUKTI 4.pdf

4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

GLOBAL WELLNESS LEADERSHIP WEEK 2024

Dalam pelaksanaan program *Global Wellness Leadership Week 2024*, beberapa risiko utama telah dikenal pasti melalui proses semakan awal bersama pihak Majlis Perwakilan Pelajar, Sekretariat Mahasiswa Fakulti Pendidikan, serta fakulti-fakulti dan rakan strategik yang terlibat. Risiko-risiko ini merangkumi aspek **pengurusan peserta berskala besar**, **keberkesanan komunikasi antara biro pelaksana**, serta **kekangan teknikal** semasa aktiviti melibatkan pelajar antarabangsa. Bagi mengenal pasti risiko secara sistematik, pasukan penganjur menggunakan kaedah pemetaan awal melalui mesyuarat biro pelaksana yang merangkumi inventori aset teknikal, logistik, komunikasi, dan sumber manusia. Risiko seperti kelewatan penyediaan makanan, gangguan teknikal semasa majlis rasmi, dan perubahan jadual oleh delegasi luar telah dikenal pasti dan didokumenkan. Pengurusan risiko turut melibatkan penyelarasan dengan **Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP)** dan penasihat fakulti bagi memastikan pelan kontingensi dapat diaktifkan dengan segera. Dari segi **pengukuran dan analisa**, pelaksanaan program dipantau secara harian oleh biro program, logistik dan protokol. Setiap hari program disusuli dengan *post-mortem dalaman* bagi mengenal pasti sebarang kelemahan serta cadangan pembaikan **(Rujuk BUKTI 1: Tangkap Layar WhatsApp perbincangan risiko Global Wellness Leadership Week 2024)**

artSMart

Bagi program artSMart, antara risiko utama ialah **kekangan logistik dan kewangan**, terutama bagi pelaksanaan di luar negara seperti di Indonesia. Risiko ini ditangani melalui kerjasama dan tajaan pihak industri dan institusi pendidikan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) Aktiviti artSMart**. **Risiko ketidaksediaan infrastruktur pembelajaran** di lokasi turut diatasi dengan penyediaan modul bersesuaian dan latihan fasilitator (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(b) Modul artSMart**. Dari aspek keselamatan, pelajar mendapat **kelulusan rasmi universiti**, memastikan perlindungan insurans dan pengangkutan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(c) Kelulusan rasmi artSMart**

MATH ACADEMY

Bagi program Math academy, risiko dikenal pasti melalui sesi perbincangan pasca program, serta maklum balas daripada fasilitator. Antara risiko yang dikenal pasti dalam pelaksanaan Math Academy termasuk **perubahan jadual kelas disebabkan pertindihan dengan program fakulti seperti sesi temuduga ISMP atau kelas pascasiswazah.** Selain itu, **tarikh kelas yang berdekatan dengan cuti panjang** dan Kekangan yang dihadapi oleh **fasilitator yang tidak dapat menghabiskan silabus mengikut Scheme of Work (SOW) yang ditetapkan (Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a) dan Gambarajah (3b).**

SENARAI BUKTI :

1. F0034_A01_AB04_AC02_20251_4.4.2_BUKTI 1.pdf
2. F0034_A01_AB04_AC02_20252_4.4.2_BUKTI 2.pdf
3. F0034_A01_AB04_AC02_20253_4.4.2_BUKTI 3.pdf

4.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

GLOBAL WELLNESS LEADERSHIP WEEK 2024

Proses kajian semula dan tindakan penambahbaikan bagi *Global Wellness Leadership Week 2024* dilaksanakan secara sistematik melalui **refleksi pasca program**, sesi *post-mortem* dalaman biro, serta analisis maklum balas peserta dan penyelaras program (**Rujuk BUKTI 1 : Pautan 1 Minit Mesyuarat Post Mortem dan BUKTI 1: Gambarajah 1**. Setiap biro termasuk logistik, teknikal, makanan, protokol, dan multimedia dikehendaki mengemukakan laporan kekuatan, kelemahan serta cadangan penambahbaikan berdasarkan pelaksanaan aktiviti. Maklum balas rasmi daripada peserta dan jawatankuasa pelaksana telah dianalisis secara kualitatif, khususnya berkaitan isu masa, lokasi, komunikasi dan keperluan teknikal. Antara contoh penambahbaikan termasuk keperluan **memperkemaskan komunikasi dalaman antara biro**, **penjadualan semula waktu makan dan aktiviti bagi mengelakkan pertindanan**, serta **penyelarasan awal bahan promosi dan grafik** untuk memastikan keseragaman imej program.

artSMart

Penilaian semula program artSMart tidak hanya bersifat reflektif tetapi transformatif. Berdasarkan **analisa mendalam pasca program, termasuk soal selidik, refleksi pelajar, dan pemerhatian lapangan**, fakulti mengenal pasti kekuatan dan ruang penambahbaikan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a), 2(b) dan 2(c)**. Hasil dapatan mendorong penghasilan modul baharu yang lebih kontekstual, mesra budaya komuniti dan selari dengan keperluan pembelajaran murid serta latihan kendiri mahasiswa. Penambahbaikan ini bukan sahaja meningkatkan impak komuniti, tetapi turut memperkukuh kemahiran pedagogi pelajar UiTM melalui adaptasi kaedah pengajaran yang lebih inklusif dan berimpak tinggi.

MATH ACADEMY

Hasil daripada pemantauan berterusan serta maklum balas dan cadangan daripada ibu bapa, pelajar dan fasilitator, beberapa tindakan penambahbaikan telah dikenalpasti dan dilaksanakan bagi meningkatkan keberkesanan pelaksanaan program Math Academy **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a).** Antara penambahbaikan yang telah dibuat adalah **penyusunan dan pemakluman semula jadual kelas** agar tidak berlaku pertindihan yang menjejaskan kelangsungan program **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(b).** Selain itu, **penyediaan jadual gantian awal** serta mengedarkan notis kepada ibu bapa bagi memastikan kehadiran pelajar semasa cuti panjang tetap terjamin **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(c).** Math academy telah mewajibkan fasilitator **menyediakan rakaman video pengajaran** sekiranya silibus tidak sempat dihabiskan dan perlu di muat naik ke dalam kumpulan WhatsApp rasmi Math Academy.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_A01_AB04_AC03_20251_4.4.3_BUKTI 1.pdf
2. F0034_A01_AB04_AC03_20252_4.4.3_BUKTI 2.pdf
3. F0034_A01_AB04_AC03_20253_4.4.3_BUKTI 3.pdf

4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

GLOBAL WELLNESS LEADERSHIP WEEK 2024

Hasil penganalisisan data dari program Global Wellness Leadership Week telah dimanfaatkan untuk penambahbaikan berterusan dan inovasi program akan datang. Maklum balas peserta menunjukkan kepuasan tinggi terhadap kandungan dan lokasi program, terutamanya penggunaan Surau Ibnu Sina. Namun, cabaran penglibatan peserta awal pagi menjadi panduan untuk penjadualan lebih inklusif. Ulasan jawatankuasa pula mencetuskan inovasi seperti penambahbaikan komunikasi dalaman, perancangan teknikal dan logistik yang lebih awal, serta pengurusan makanan yang lebih cekap. Dapatan berkaitan impak kepada SDG dan KPI UiTM telah mengukuhkan integrasi antara kesejahteraan, kepimpinan, dan pendidikan berkualiti. Kehadiran delegasi antarabangsa dan kolaborasi fakulti turut membuktikan keberkesanan pendekatan silang budaya. Pendekatan menyeluruh ini bakal dijadikan asas SOP baharu bagi program mahasiswa berimpak tinggi, termasuk penetapan indikator keberhasilan pelajar yang menekankan keseimbangan akademik dan kesejahteraan diri. Turut dicadangkan ialah sistem penilaian impak jangka panjang pasca program. Secara keseluruhannya, analisis data bukan sahaja digunakan untuk penambahbaikan pelaksanaan, malah menjadi pemangkin kepada inovasi reka bentuk program yang lebih relevan, mampan dan selaras dengan aspirasi universiti serta keperluan pelajar semasa **(Rujuk BUKTI 1: Pautan 1 Laporan Penuh Global Wellness Leadership Week 2024**)

artSMart

Hasil penganalisaan data seperti maklum balas komuniti, soal selidik dan refleksi pelajar telah dimanfaatkan dalam penambahbaikan kandungan modul serta reka bentuk aktiviti secara berterusan. Ini diterjemahkan melalui fasa-fasa pelaksanaan berterusan bagi Projek artSMart Siri 8, yang sentiasa ditambah baik mengikut keperluan lapangan **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a)**. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan keberkesanan program, malah turut diiktiraf menerusi Anugerah Projek Komuniti (Tempat Ketiga) sempena MeTIC 13/2024, membuktikan inovasi artSMart memberi impak yang signifikan kepada komuniti dan pendidikan (**Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(b).**

MATH ACADEMY

Hasil penganalisisan data Math Academy dimanfaatkan untuk penambahbaikan berterusan dan inovasi dalam pengajaran serta pengurusan program. Fasilitator dan peserta akan menerima **sijil penyertaan sebagai bentuk penghargaan dan pengiktirafan rasmi (Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a).** Selain daripada itu, Math Academy telah memperluaskan pendekatan pembelajaran Matematik melalui pelbagai **program tematik** seperti **MathSpire, MathVenture dan GebSpire**, yang dirangka untuk meningkatkan penglibatan pelajar secara aktif. Inisiatif ini diperkukuh dengan **integrasi teknologi terkini yang berteraskan elemen eksplorasi dan gamifikasi**, khususnya menerusi program **MathMarvel (Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(b).** menjadikan Math Academy lebih relevan, dinamik dan mudah disesuaikan dengan pelbagai tahap prestasi pelajar.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_A01_AB05_20251_4.5_BUKTI 1.pdf
2. F0034_A01_AB05_20252_4.5_BUKTI 2.pdf
3. F0034_A01_AB05_20253_4.5_BUKTI 3.pdf

KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA

5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memastikan kesinambungan legasi Fakulti Pendidikan, pihak pengurusan Fakulti telah merangka dan melaksanakan perancangan strategik yang menyeluruh melalui tiga projek utama: ***EduHead**, **EduHeart** dan **EduHands***. Di bawah tiga projek utama ini terdapat beberapa projek antaranya adalah **Scholarship Catalyst, ISOLA (artSMart) dan ACPES 2024**. Pengurusan sumber manusia menjadi teras kepada kejayaan agenda pembangunan Fakulti, merangkumi perancangan jangka pendek dan panjang. Selaras dengan aspirasi menjadikan Fakulti Pendidikan UiTM sebagai pusat rujukan nasional serta melahirkan graduan yang memenuhi piawaian Standard Guru Malaysia (SGM) seperti ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), semua warga Fakulti, terutamanya pensyarah, memainkan peranan penting dalam merealisasikan visi ini. Oleh itu, pihak pengurusan telah mengaplikasikan pendekatan berasaskan kitaran Plan-Do-Check-Act (PDCA) dalam aspek pengoperasian dan pengurusan sumber manusia bagi 3 projek yang dinyatakan. Dalam fasa perancangan (PLAN), Fakulti menetapkan hala tuju pembangunan sumber manusia melibatkan keutamaan jangka panjang dan pendek. Keutamaan jangka panjang tertumpu pada pembangunan kesarjanaan pensyarah melalui galakan menyambung pengajian ke peringkat Doktor Falsafah. Dari tahun 2019 hingga 2022, sembilan pensyarah telah diluluskan menyambung pengajian, dan majoritinya telah kembali berkhidmat mulai 2023. Di samping itu, perancangan pengambilan staf akademik dan pentadbiran dibincangkan secara berkala bagi memastikan keperluan semasa dan masa depan dipenuhi. Sehingga 2023, Fakulti mempunyai jumlah staf akademik dan pentadbiran yang mencukupi bagi menyokong kelangsungan operasi fakulti. Fakulti juga mempunyai seorang pensyarah antarabangsa yang berkhidmat secara kontrak selama dua tahun. Kehadiran pensyarah ini memberi impak besar kepada pembangunan pelajar melalui pemindahan ilmu global, penerapan pendekatan pedagogi antarabangsa, pengukuhan kompetensi antara budaya serta pembangunan pemikiran global dalam kalangan pelajar. Selain itu, Fakulti turut menerima pelajar pasca doktoral dari Ethiopia yang kini berada di bawah seliaan seorang profesor di Fakulti Pendidikan. Bagi perancangan jangka pendek, Bengkel Perancangan Strategik Fakulti telah diadakan pada Januari 2024 dengan penglibatan menyeluruh warga Fakulti. Dalam bengkel ini, Petunjuk Prestasi (PI) serta pelaksanaan projek *EduHead, EduHeart dan EduHands* telah dimuktamadkan bersama ketua dan penyelaras projek. Konsep “pendelegasian kerja” dilaksanakan melalui pembentukan pasukan dan jawatankuasa projek, bertujuan memastikan agihan tugas yang adil dan jelas untuk mengelakkan beban kerja tidak seimbang. Panduan seperti Kuliah Syarahan (KS) dan sistem MyATP digunakan dalam penyusunan aktiviti. Semua individu yang terlibat perlu mendaftarkan peranan mereka dalam MyATP sebagai rujukan penilaian tahunan. Dalam fasa pelaksanaan (DO), kesemua projek telah berjaya dijalankan hasil komitmen dan kepakaran warga akademik dan pentadbiran. Petunjuk prestasi strategik digunakan sebagai panduan pelaksanaan. Ketua dan penyelaras projek dilantik secara rasmi melalui surat lantikan dan diberikan taklimat terperinci meliputi keperluan sumber manusia dan kewangan. Dalam fasa pemantauan (CHECK), pemantauan berterusan dilakukan melalui platform rasmi seperti Mesyuarat Pengurusan Eksekutif (MPE) dan Jawatankuasa Risiko. Mesyuarat ini meneliti perkembangan pelaksanaan serta isu sumber manusia yang timbul. Berdasarkan maklum balas pemantauan, penambahbaikan (ACT) dicadangkan secara proaktif bagi memperkukuh sistem sedia ada. Pemantauan bilangan dan kebajikan staf turut dijalankan. Sebagai langkah strategik, permohonan rasmi telah dihantar kepada Bahagian JPBSM untuk menambah tenaga pakar dalam bidang kritikal serta staf sokongan tambahan.

5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Fakulti Pendidikan menggunakan pendekatan sumber dalaman sebagai strategi utama dalam pengurusan sumber manusia bagi menjayakan pelaksanaan program utama pada tahun 2024. Program-program Fakulti Pendidikan bertema ***EduHead*** (HEA), ***EduHeart*** (PJI/ICAN) dan ***EduHands*** (HEP), antaranya adalah ISOLA 2024, ACPES 2024, dan Scholarship Catalyst - AE Clinic. Pendekatan (Approach) ini menumpukan kepada penggemblengan tenaga akademik dan staf sokongan sedia ada bagi merancang, melaksana, serta menilai aktiviti dan projek fakulti dalam bidang pengajaran, penyelidikan, dan pembangunan pelajar.

Program bertema ***EduHead*** (HEA) adalah bertujuan untuk meningkatkan meningkatkan kemahiran kognitif dan akademik pelajar. Bagi program Scholarship Catalyst - AE Clinic yang bertema ***EduHead***, fakulti telah melaksanakan pendekatan bimbingan sistematik yang memfokus kepada penghasilan projek penyelidikan pelajar tahun akhir. Program ini melibatkan sekumpulan pensyarah berpengalaman yang bertindak sebagai fasilitator untuk membimbing pelajar secara berterusan melalui klinik akademik **(Rujuk BUKTI 1: Pautan 1-Pautan 6 Rakaman YouTube AE Clinic Research Masterclass)**. Selain meningkatkan kualiti kerja pelajar, penglibatan pensyarah dalam program ini juga direkodkan dalam sistem Amanah Tugas Pensyarah (ATP) serta dinilai oleh Ketua Program masing-masing, dan dinyatakan secara jelas dalam penilaian prestasi tahunan (LNPT).

Program bertema ***EduHeart*** (PJI/ICAN) adalah untuk mengasah dan memperkukuh kemahiran interaksi dan jaringan sosial pelajar. Antaranya program ISOLA 2024 yang terletak di bawah tema ini. Program ini dianjurkan secara kerjasama antarabangsa antara institusi di Malaysia dan Indonesia, pensyarah Fakulti Pendidikan telah memainkan pelbagai peranan penting. Mereka terlibat secara langsung dalam jawatankuasa pelaksana seperti penyelidikan dan penerbitan, pameran seni, eksplorasi budaya, dan khidmat masyarakat **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) dan Gambarajah 2(b)**. Program ini bukan sahaja menjadi platform pengembangan akademik dan jaringan profesional, malah turut meningkatkan nilai tambah kepada rekod prestasi staf yang terlibat melalui penghasilan output ilmiah seperti prosiding dan penerbitan bergambar.

Tema yang ketiga adalah ***EduHands*** (HEP). Program yang bertema ini adalah untuk memperkembangkan kemahiran insaniah pelajar seperti kepimpinan, komunikasi dan semangat kesukarelawanan. Program ACPES 2024 adalah bawah kategori ***EduHands*** dia ia merupakan persidangan antarabangsa dalam bidang Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan yang memberikan peluang kepada pelajar untuk membentangkan penyelidikan mereka. Pensyarah dari Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan berperanan sebagai penyelia penyelidikan, penilai kertas kerja, dan penceramah jemputan. Mereka juga bertanggungjawab membimbing pelajar dari peringkat penulisan sehingga pembentangan. **(Rujuk Bukti 2: Gambarajah 2(c)**. Peranan ini meningkatkan penglibatan akademik pensyarah serta menyumbang kepada pencapaian fakulti dalam aspek penerbitan dan jaringan serantau bersama institusi ASEAN.

Fakulti turut menyokong pembangunan profesional staf melalui kemudahan cuti belajar bagi pengajian peringkat doktor falsafah (PhD). Kepulangan staf ini telah meningkatkan tahap kesarjanaan dan kepakaran dalam fakulti, sekali gus mengukuhkan kapasiti dalaman fakulti bagi melaksanakan program akademik berimpak tinggi.

Kesimpulannya, pengurusan sumber manusia yang berasaskan sumber dalaman telah berjaya menyokong pelaksanaan program **ISOLA, ACPES dan Scholarship Catalyst - AE Clinic** secara cekap dan mampan. Pendekatan ini bukan sahaja menjimatkan sumber, malah menyuburkan budaya akademik, penyelidikan, dan kepimpinan dalam kalangan warga Fakulti Pendidikan secara berterusan.

SENARAI BUKTI:

1. F0034_S01_SB02_20251_Bukti 5.2_ Bukti 1.pdf

2. F0034_S01_SB02_20252_Bukti 5.2_ Bukti 2.pdf
3.
4.
5.

5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Fakulti Pendidikan UiTM sentiasa proaktif dalam memperluas kesarjanaan dan memperkukuh keterlihatan kepakaran akademiknya. Pengurusan strategik sumber manusia tidak hanya tertumpu kepada dalaman institusi, tetapi juga menekankan deployment kesarjanaan ke peringkat nasional dan antarabangsa. Usaha ini dipacu melalui pelaksanaan tiga projek utama berimpak tinggi: **ACPES, Scholarship Catalyst AE Clinic, dan ISOLA (artSMart).**

Sebagai langkah awal, fakulti memastikan maklumat berkaitan kepakaran pensyarah boleh diakses dengan senang melalui platform UiTM Expert dan laman sesawang rasmi Fakulti Pendidikan. Ini bertujuan untuk memudahkan jaringan kerjasama serta pengesanan kepakaran oleh pihak berkepentingan. Segala maklumat dikemaskini secara berkala agar relevan dan berdaya guna.

Di bawah teras AE Clinic, pendekatan keterlihatan akademik diterjemahkan melalui penyertaan pensyarah dalam media massa. PM Ts. Dr. Roslinda Alias yang telah diundang ke program *Selamat Pagi Malaysia (RTM)* **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1)** untuk membincangkan isu pendidikan inklusif, manakala Dr. Sharifah Muzlia Syed Mustafa berkongsi pandangan mengenai kempen anti-buli dalam *Berita BERNAMA*. Prof. Dr. Sharipah Ruzaina pula menulis tentang pendidikan STEM dalam *Sinar Harian***)**.

Keterlihatan pakar Fakulti Pendidikan di peringkat antarabangsa bukan sahaja terserlah melalui jemputan sebagai *keynote speaker*, fasilitator, dan *featured speaker* dalam pelbagai persidangan akademik – sama ada secara fizikal mahupun dalam talian – malah turut diperkukuh dengan penerimaan geran antarabangsa **(Rujuk BUKTI 2: gambarajah 2(a) dan gambarajah 2(b)**. Usahasama penyelidikan ini membuktikan kepercayaan institusi antarabangsa terhadap kepakaran pensyarah Fakulti Pendidikan dalam menerajui penyelidikan berimpak tinggi. Melalui usaha ini, bukan sahaja ilmu dikongsi merentas sempadan, tetapi ia turut menjadi pemangkin kepada peningkatan keupayaan penyelidikan, memperluaskan jaringan akademik, dan mengangkat nama UiTM terutamanya Fakulti Pendidikan di persada global. Fakulti turut mengambil peluang ini untuk membina kerjasama strategik yang berasaskan kepercayaan, inovasi, dan keberkesanan dalam menangani isu-isu pendidikan sejagat.

ACPES 2024 pula membuka ruang kolaborasi antarabangsa yang lebih luas. Perjanjian MOU bersama Universitas Negeri Semarang, Indonesia, membolehkan fakulti berkongsi kepakaran dalam bidang STEM secara langsung, di samping pemerkasaan program akademik bersama **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a) Poster ACPES**. Sementara itu, MOA bersama Yayasan Maybank melahirkan aplikasi “Mathematics for Rural Kids (MARK)”, satu inisiatif teknologi pendidikan yang memberi impak besar kepada pelajar luar bandar.

Melalui **artSMart X iSOLA**, fakulti memperluas pengaruh kesarjanaan kepada komuniti luar bandar dan marginal seperti komuniti orang asli. Pensyarah dan pelajar Fakulti turut terlibat secara aktif dalam aktiviti seni, bimbingan dan interaksi sosial yang memartabatkan pendidikan dan ekspresi budaya komuniti **(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4(a)**.

Keseluruhan inisiatif ini menjadikan Fakulti Pendidikan UiTM bukan sahaja sebagai pusat pengembangan ilmu, tetapi sebagai rakan strategik masyarakat dan dunia dalam membina masa depan pendidikan yang lestari dan inklusif.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_S01_SB03_20251_Bukti 5.3_ Bukti 1.pdf
2. F0034_S01_SB03_20252_Bukti 5.3_ Bukti 2.pdf
3. F0034_S01_SB03_20253_Bukti 5.3_ Bukti 3.pdf

4. F0034_S01_SB03_20254_Bukti 5.3_ Bukti 4.pdf
5.

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan dilaksanakan terhadap tiga program utama Fakulti Pendidikan UiTM iaitu 10th *ASEAN Council of Physical Education and Sport* (**ACPES) 2024, *artSMart* x ISOLA** di Panti Asuhan dan Pondok Pesantren Bima Bakhti Yogyakarta, dan ***Scholarship Catalyst***.

Bagi program **ACPES 2024**, tahap kepuasan kerja staf adalah di tahap yang tinggi. Pensyarah melaporkan agihan tugasan yang jelas, penganjuran yang lancar dengan penyertaan tertinggi sepanjang penganjuran ACPES iaitu seramai 300 orang peserta **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a) maklumbalas/post mortem meeting)**. Pengiktirafan melalui sijil **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(b) sijil penghargaan)** dan liputan dalam laporan rasmi program meningkatkan motivasi dan komitmen terhadap penganjuran program berskala antarabangsa tersebut **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(c) laporan media)**.

Program ***artSMart* x ISOLA** pula menunjukkan kepuasan tinggi dalam kalangan pensyarah, staf dan pelajar yang terlibat, khususnya dalam konteks khidmat komuniti antarabangsa **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) maklumbalas rakan kerjasama)**. Sistem pelaksanaan gerak kerja di Panti Asuhan tersusun dengan peranan yang jelas dan koordinasi efektif bersama rakan kolaborasi di Indonesia **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(b)** tentative gerak kerja**)**. Penglibatan barisan pengurusan fakulti dan pensyarah yang komited membantu melancarkan pelaksanaan program secara keseluruhan. Penghargaan melalui dokumentasi rasmi, liputan media **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(c) liputan media)** dan sijil penarafan bintang yang diambilkira sebagai markah dalam MyATP turut menyumbang kepada semangat kerja yang positif **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(d) sijil 3 bintang)**.

Scholarship Catalyst merupakan inisiatif seminar berstruktur untuk membantu pelajar tahun akhir menyiapkan penulisan projek penyelidikan. Pensyarah menyatakan kepuasan terhadap kejelasan jadual, skop sesi **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a) hebahan sesi)** dan penglibatan pelajar yang komited. Program ini membantu mengurangkan tekanan konsultasi individu melalui pendekatan berkumpulan. Pelajar turut memberikan maklum balas positif, khususnya dalam memahami aspek teknikal seperti metodologi dan analisis data **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(b) Laporan Kehadiran Pelajar untuk sesi bengkel dan BUKTI 3(c)Maklumbalas pelajar untuk sesi bengkel**.

Terdapat aduan kecil berkaitan tugasan yang berterusan dan jadual yang padat, namun ia bersifat sementara dan berjaya diatasi melalui sokongan pasukan. Secara keseluruhannya, persekitaran kerja dan sistem pelaksanaan ketiga-tiga program ini dinilai positif, menyokong kesejahteraan serta penglibatan aktif sumber manusia dengan tahap kepuasan kerja yang tinggi.

SENARAI BUKTI:

1. F0034_S01_SB04_SC01_20251_Bukti 5.4.1_ Bukti 1.pdf
2. F0034_S01_SB04_SC01_20252_Bukti 5.4.1_ Bukti 2.pdf
3. F0034_S01_SB04_SC01_20253_Bukti 5.4.1_ Bukti 3.pdf
4.
5.

5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Dalam pelaksanaan program **ACPES 2024**, pengurusan risiko sumber manusia dilaksanakan secara berstruktur melalui pencegahan awal, pemantauan berterusan dan intervensi segera. Risiko utama dikenal pasti termasuk beban tugas tidak seimbang dan komunikasi tidak jelas dalam kalangan jawatankuasa pelaksana memandangkan ia melibatkan beberapa fakulti. Bagi menangani beban tugas yang tidak seimbang, perancangan tugasan sistematik dilaksanakan melalui penyediaan carta organisasi dan senarai tugas individu mengikut kepakaran masing-masing **(Rujuk BUKTI 1:Gambarajah 1(a) JK ACPES)**. Risiko komunikasi yang tidak jelas dikurangkan dengan mengadakan mesyuarat berkala serta penggunaan saluran rasmi seperti WhatsApp dan e-mel universiti **(Rujuk BUKTI 1:Gambarajah 1(b) saluran komunikasi WhatsApp dan Gambarajah 1(c) saluran komunikasi emel).**

Pengurusan risiko dalam program ***artSMart x ISOLA*** pula mengambil kira aktiviti rentas sempadan dan interaksi dengan komuniti dan organisasi luar negara. Risiko yang dikenalpasti termasuk kekangan komunikasi antara negara serta ketidaksediaan logistik staf dan pelajar. Perancangan awal dilaksanakan merangkumi pembahagian tugas fleksibel, jadual perjalanan dan simulasi pengurusan kendiri. Koordinasi awal dengan rakan kerjasama di Yogyakarta seperti pensyarah pengiring dan penyelia panti asuhan dilakukan untuk penyelarasan tugasan **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) Surat balasan kerjasama dan Gambarajah 2(b) gambar mesyuarat perbincangan awal)**. Komunikasi awal dan berterusan antara dua negara dan pihak industri yang terlibat melalui WhatsApp group dan Google Drive membolehkan pemantauan tugasan secara masa nyata dan penyesuaian tugasan mengikut perubahan lokasi **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(c) perbualan gerak kerja melalui WhatsApp)**.

Bagi ***Research Masterclass Series***, tumpuan diberikan kepada keberkesanan penyampaian ilmu kepada pelajar dan kebajikan pensyarah. Risiko yang dikenalpasti termasuk pertindihan tugas harian dan penyampaian sesi perkongsian yang kurang berkesan. Jadual disusun lebih awal secara bertahap untuk mengelakkan gangguan kepada tugasan pengajaran harian pensyarah **(Rujuk BUKTI 3:Gambarajah 3(a) Jadual bengkel yang telah disusun awal)**. Hebahan awal melalui WhatsApp dan e-mel bersama objektif terperinci setiap sesi boleh membantu pensyarah bersedia dengan lebih awal untuk menyampaikan topik. Sesi juga dilaksanakan secara dalam talian di mana pelajar dibekalkan dengan video rakaman bagi memudahkan pelajar merujuk kembali topik-topik tertentu pada bila-bila masa untuk meningkatkan tahap keberkesanan bengkel yang dilaksanakan **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(b) tangkap layar video rakaman).**

SENARAI BUKTI :

1. F0034_S01_SB04_SC02_20251_Bukti 5.4.2_ Bukti 1.pdf
2. F0034_S01_SB04_SC02_20252_Bukti 5.4.2_ Bukti 2.pdf
3. F0034_S01_SB04_SC02_20253_Bukti 5.4.2_ Bukti 3.pdf
4.
5.

5.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Fakulti Pendidikan UiTM telah melaksanakan pendekatan berstruktur bagi memastikan persekitaran kerja yang kondusif serta sistem kerja yang efisien melalui pemantauan berterusan dan tindakan susulan berdasarkan maklum balas sumber manusia.

Bagi program **ACPES 2024**, kepuasan kerja staf dinilai tinggi melalui pelaporan tugasan yang jelas dan penganjuran yang lancar. Penghargaan melalui sijil dan liputan media memberi kesan positif terhadap motivasi staf **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a)**. Risiko seperti beban tugas tidak seimbang dan komunikasi tidak jelas ditangani melalui penyediaan carta organisasi, senarai tugas mengikut kepakaran, mesyuarat berkala serta penggunaan saluran rasmi komunikasi seperti WhatsApp dan e-mel universiti.

Dalam program **artSMart x ISOLA**, kepuasan kerja staf meningkat melalui pengurusan tugas yang tersusun serta kerjasama berkesan dengan organisasi luar negara. Risiko logistik dan komunikasi rentas sempadan diurus dengan penjadualan awal, simulasi tugasan kendiri serta koordinasi berterusan dengan pihak Indonesia menggunakan platform digital **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a)**.

Bagi **Research Masterclass Series**, pengurusan memberi perhatian terhadap kesejahteraan pensyarah dengan menyusun jadual sesi lebih awal bagi mengelak pertindihan tugas. Komunikasi objektif sesi disalurkan lebih awal melalui e-mel dan WhatsApp, manakala pelajar dibekalkan dengan rakaman video sebagai bahan rujukan fleksibel **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a) dan Gambarajah 3(b)**.

Secara keseluruhan, tindakan pengurusan terhadap maklum balas staf dilaksanakan melalui:

-Pengiktirafan dan insentif bagi meningkatkan motivasi

-Penjadualan dan agihan tugas berstruktur

-Komunikasi dalaman yang konsisten

-Pelibatan aktif pengurusan dalam menyokong kelancaran program

Usaha ini bukan sahaja meningkatkan tahap kepuasan kerja staf, malah menyokong kesejahteraan dan keberkesanan pelaksanaan program fakulti secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_S01_SB04_SC03_20251_Bukti 5.4.3_ Bukti 1.pdf
2. F0034_S01_SB04_SC03_20252_Bukti 5.4.3_ Bukti 2.pdf
3. F0034_S01_SB04_SC03_20253_Bukti 5.4.3_ Bukti 3.pdf
4.
5.

5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Tahap pembudayaan yang terhasil daripada keberkesanan tindakan penambahbaikan di Fakulti Pendidikan UiTM jelas menunjukkan **peningkatan dalam kesejahteraan staf dan kelancaran pelaksanaan program.** Pendekatan berstruktur yang dilaksanakan telah membudayakan suasana kerja yang lebih sistematik, responsif dan kolaboratif.

Hasil tindakan susulan terhadap maklum balas sumber manusia, budaya kerja yang kondusif telah terbentuk. Dalam program **ACPES 2024**, pelaporan tugas yang jelas dan pengiktirafan melalui sijil serta liputan media telah membina budaya penghargaan dan motivasi dalam kalangan staf **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a)** . Pengurusan turut memperkenalkan carta organisasi dan senarai tugas mengikut kepakaran, yang membudayakan pembahagian kerja yang lebih adil dan terarah, disokong dengan komunikasi rasmi yang konsisten **(Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(b)**

Program artSMart x ISOLA pula memperlihatkan pembudayaan nilai profesionalisme dan keterbukaan dalam kerjasama rentas negara. Melalui penjadualan awal, simulasi tugasan dan penggunaan platform digital bersama rakan strategik antarabangsa, staf menunjukkan komitmen tinggi dan kecekapan dalam pengurusan logistik serta komunikasi rentas sempadan **(Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2)**

Dalam program **Research Masterclass Series**, budaya keprihatinan terhadap kesejahteraan pensyarah diperkukuh melalui penyusunan jadual yang mengambil kira beban tugas dan pemberian maklumat awal berkaitan sesi **(Rujuk BUKTI 3: Pautan 1-6)**. Penggunaan rakaman video sebagai bahan rujukan turut mencerminkan pembudayaan amalan fleksibel dan mesra pelajar.

Secara keseluruhan, tindakan proaktif pengurusan seperti penjadualan tugas berstruktur, pengiktirafan berterusan, komunikasi yang jelas serta pelibatan aktif dalam pelaksanaan program telah membudayakan nilai profesionalisme, kesepaduan, dan kesejahteraan kerja. Pembudayaan ini dilihat menyumbang secara langsung kepada peningkatan keberkesanan operasi fakulti serta kepuasan kerja staf secara menyeluruh.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_S01_SB05_20251_Bukti 5.5_ Bukti 1.pdf
2. F0034_S01_SB05_20252_Bukti 5.5_ Bukti 2.pdf
3. F0034_S01_SB05_20253_5.5_Bukti 3.pdf
4.
5.

KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI

6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pendidikan (FPend) komited dalam memastikan semua perancangan, pelaksanaan dan penambahbaikan operasi fakulti, khususnya dalam bidang **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar**, mematuhi prinsip **Model Kecemerlangan Prestasi Baldrige – kepimpinan, strategi, fokus pelanggan, pengukuran dan analisis prestasi, tenaga kerja, operasi serta hasil**. Sebagai **teras utama (core business)** FPend, pengurusan pembangunan pelajar dilaksanakan secara strategik melalui pendekatan holistik yang menekankan kepimpinan berkesan, strategi berpaksikan pelajar, pemantauan berasaskan data, serta penambahbaikan berterusan. Keseluruhan proses ini dinilai dan diperkukuh melalui **kerangka ADLI (Approach, Deployment, Learning & Integration)**, selaras dengan **aspirasi UiTM** untuk melahirkan **graduan yang holistik, berdaya saing dan "*locally rooted, globally renowned*"**.

Perancangan (Plan) melibatkan pembangunan **pelan strategik dan struktur pelaksanaan aktiviti** yang disusun rapi menerusi **Bengkel Perancangan Strategik FPend 2024 (Fasa I & II)**, dengan penglibatan pelbagai lapisan pengurusan termasuk pelajar dan pihak berkepentingan. Fokus diberikan kepada pembangunan pelajar secara seimbang melalui pelbagai inisiatif lokal dan antarabangsa seperti **Global Wellness Leadership Week (GWLW 2024)**, **artSMartxISOLA 2024**, dan **Math Academy**, yang direka berteraskan nilai kesejahteraan, kepimpinan, empati dan keberhasilan akademik. Setiap perancangan mengambil kira kebolehupayaan pelajar serta keperluan industri dan masyarakat setempat, selaras dengan matlamat *stakeholder-driven value creation*.

Pelaksanaan (Do) aktiviti dilakukan melalui pelibatan aktif pelajar, staf akademik dan pentadbiran fakulti, dengan **pematuhan terhadap SOP HEA/HEP**. Program-program seperti **GWLW** yang menghimpunkan lebih 5000 peserta dari dalam dan luar negara, **artSMartxISOLA** yang menggabungkan **simposium dan khidmat komuniti antarabangsa di Yogyakarta**, serta **Math Academy** yang berlangsung **sepanjang tahun**, telah **memperkukuh kompetensi pelajar dalam aspek kepimpinan, kemahiran insaniah dan pedagogi**. Setiap projek dilaksanakan oleh jawatankuasa pelaksana pelajar yang merangkumi fungsi organisasi lengkap—pengarah, fasilitator, dokumentasi dan pemantauan. Program-program ini turut memupuk nilai **akauntabiliti** dan **pengurusan kendiri** dalam kalangan pelajar.

Pemantauan (Check) dilaksanakan secara sistematik melalui **kehadiran berjadual, instrumen penilaian pra dan pasca, borang maklum balas, log aktiviti dan dokumentasi visual**. Data kuantitatif dan kualitatif dianalisis bagi menilai pencapaian hasil pelajar dan impak kepada komuniti. Sebagai contoh, **intervensi pendidikan dalam artSMartxISOLA mencatatkan peningkatan signifikan prestasi peserta** melalui kaedah ***fun learning***, manakala **GWLW** menunjukkan **lonjakan penglibatan pelajar dalam isu kesihatan mental, kesejahteraan sosial dan komunikasi rentas budaya**. **Penilaian SWOT** dan dapatan pemantauan turut dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan sebagai asas penambahbaikan berterusan.

Penambahbaikan (Act) dilaksanakan berasaskan dapatan **pemantauan dan maklum balas reflektif**. Inisiatif seperti ***co-creation* modul bersama pelajar, pemantapan sistem mentor-mentee, serta integrasi elemen *digital wellbeing* dan gamifikasi** telah memperkukuh pelaksanaan aktiviti dan memastikan ia **kekal relevan dengan keperluan semasa**. Hasil analisis turut mendorong pengembangan skop program seperti pengenalan Kluster Kesenian, STEM dan Kerohanian dalam artSMart serta modul tech-free dalam **GWLW**. Setiap cadangan penambahbaikan dibentangkan dalam mesyuarat pengurusan FPend dan dijadikan rujukan dalam merangka takwim aktiviti seterusnya.

Secara keseluruhannya, **pelaksanaan PDCA dan prinsip ADLI** telah membudayakan amalan pengurusan operasi yang cekap, inklusif dan berteraskan hasil dalam kalangan warga FPend. **Kejayaan pelaksanaan program pembangunan pelajar** membuktikan bahawa **pengurusan**

operasi FPend bukan sahaja **responsif terhadap keperluan pelajar,** malah mampu menyumbang kepada **pencapaian teras strategik universiti,** khususnya dalam **pendidikan berkualiti dan kecemerlangan global**.

6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Kepimpinan fakulti memainkan peranan utama dalam menetapkan **h**ala tuju **strategik pengurusan dan pembangunan pelajar** menerusi 2 fasa **Bengkel Perancangan Strategik Fakulti Pendidikan 2024**. Setiap aktiviti dirancang dengan teliti melibatkan beberapa peringkat pengurusan iaitu **Pengarah Utama, Pengarah Projek, Pengurus Projek, dan Ahli Jawatankuasa Projek (Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a) Bengkel Perancangan Strategik Fakulti Pendidikan (FPend) 2024, Fasa I dan II & Gambarajah 1(b) Takwim Mesyuarat Fakulti Pendidikan - 2024).**

Penubuhan jawatankuasa yang melibatkan pentadbiran, akademik dan pelajar memperkukuh tadbir urus yang **inklusif dan responsif**. **Penglibatan pelajar secara aktif** dalam program seperti **GWLW** telah menghimpunkan **lebih 5000 peserta** termasuk **delegasi antarabangsa** ini menekankan aspek kesejahteraan menyeluruh melalui **forum global, simposium kepimpinan, pertandingan Ikon Muaddib, dan aktiviti kesukarelawanan rentas budaya,** sekali gus memupuk **kepemimpinan berasaskan kesejahteraan (*wellness-based leadership*) (Rujuk BUKTI 2: Laporan Program Global Wellness Leadership Week [GWLW])**.

Strategi pembangunan pelajar pula diterapkan melalui **rangka kerja *ESI i-DART*** yang **menyepadukan pembangunan akademik, sahsiah dan kemahiran insaniah**. Program ***Math Academy*** yang dijalankan **sepanjang tahun** adalah contoh signifikan **pendedahan dunia sebenar** kepada pelajar **Pendidikan Matematik** melalui **sesi pengajaran bimbingan sekolah rendah dan menengah.** Strategi ini mengukuhkan keberkesanan **pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*)** dan menyokong **pengukuhan kemahiran komunikasi, kolaborasi serta kepimpinan (Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a) *ESI i-DART,* Poster *Math Academy* & Takwim *Math Academy*).**

Pelajar FPend sebagai pelanggan utama diberikan keutamaan melalui pelbagai **mekanisme libat urus** seperti *Majlis Amanat Dekan* dan penyertaan dalam **aktiviti rentas negara**. Dalam program **artSMart x ISOLA 2024**, pelajar terlibat secara aktif dalam **intervensi pendidikan, kesenian dan kemasyarakatan di Pondok Pesantren Bima Bhakti, Yogyakarta**. Pelaksanaan modul "*Fun Learning*" untuk subjek Sains, Bahasa Inggeris dan Matematik telah menunjukkan peningkatan signifikan dalam kefahaman peserta antarabangsa. **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(b) artSMart x ISOLA 2024)**.

Pengukuran dan analisis prestasi seperti **artSMartxISOLA** menggunakan **instrumen penilaian pra dan pasca**, sementara **GWLW** pula mengintegrasikan **pencapaian Matlamat Pembangunan Lestari (SDG 3, 4 dan 9) dan Key Performance Indicator (PI029, PI031, PI038, PI039) UiTM**. Keberkesanan program dinilai melalui peningkatan kesedaran pelajar terhadap kesejahteraan, kesihatan mental, kemahiran kepimpinan dan komunikasi rentas budaya **(Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4 Analisis SWOT ISOLA 2024)**.

Tenaga kerja fakulti, termasuk pensyarah dan staf sokongan, turut diberdayakan melalui penglibatan aktif dalam latihan, penyelidikan, dan pengurusan program. Dalam **ISOLA 2024**, para **pensyarah** berperanan sebagai **pembimbing, fasilitator dan penyelia penerbitan akademik** (prosiding berindeks dan katalog seni ber-ISBN), menunjukkan **pemerkasaan menyeluruh terhadap staf akademik dalam pembangunan pelajar.**

Operasi program pelajar pula diurus secara terancang dengan p**ematuhan kepada SOP HEA/HEP** dan **pelibatan jawatankuasa pelajar**. **GWLW**, contohnya, melibatkan struktur organisasi lengkap termasuk biro program, logistik, makanan dan teknikal memberikan pengalaman praktikal pengurusan acara berskala besar kepada pelajar. Pengendalian permohonan kelulusan program pelajar juga dirancang dengan teliti melalui **Takwim Mesyuarat Fakulti Pendidikan - 2024.**

<u>SENARAI BUKTI:</u>

1. F0034_O01_OB02_20251_6.2_BUKTI 1.pdf
2. F0034_O01_OB02_20252_6.2_Bukti 2.pdf
3. F0034_O01_OB02_20253_6.2_BUKTI 3.pdf
4. F0034_O01_OB02_20254_6.2_BUKTI 4.pdf
5.

6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Perluasan telah dilaksanakan dengan jayanya melalui dua inisiatif utama yang telah menunjukkan keberkesanan yang signifikan iaitu **Program Math Academy** dan **Program artSMart x ISOLA 2024** yang mengintegrasikan **pembelajaran berasaskan komuniti dengan latihan kepimpinan dan pedagogi bagi pelajar FPend**.

Inisiatif pertama ialah **Math Academy** iaitu satu program **intervensi pendidikan** yang direka khas untuk pelajar sekolah menengah dengan objektif membantu mereka menguasai subjek Matematik secara lebih berkesan. Pelajar Pendidikan Matematik menjadi fasilitator dan jurulatih, di bawah seliaan pensyarah fakulti. Program ini memberi tumpuan kepada pelajar yang lemah dalam penguasaan Matematik, melalui pendekatan pembelajaran yang interaktif, berpusatkan pelajar serta berlandaskan modul abad ke-21. **Pelaksanaan program ini turut menjadi ruang latihan sebenar kepada pelajar Fakulti Pendidikan untuk mempraktikkan kemahiran pedagogi, komunikasi dan pengurusan program (Rujuk BUKTI 1: Kertas Kerja Math Academy).** FPend menggunakan pendekatan **PDCA (Plan–Do–Check–Act)** dalam pengurusan dan pembangunan program. Pelajar diberi pendedahan dari segi pembangunan modul berasaskan Pembelajaran Abad ke-2 dan pembelajaran berfokus. Penetapan objektif yang jelas serta penggubalan **struktur organisasi pelaksana** (penyelia, fasilitator, jawatankuasa logistik dan dokumentasi), penyediaan kriteria pemilihan pelajar fasilitator berdasarkan kebolehan pedagogi dan komunikasi telah dilaksanakan secara sistematis **(Plan)** bagi menjayakan projek ini.

Program dijalankan dalam bentuk bengkel dengan menggunakan teknik pemudah capaian (scaffolding). Pelajar menjalankan sesi pengajaran dengan pemantauan pensyarah sebagai mentor dan dilaksanakan di fakulti secara bersemuka bagi memastikan penyampaian pelajaran yang berkesan (**DO) (Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) Pelaksanaan Math Academy).** Penambahbaikan secara berterusan telah dilaksanakan melalui pengumpulan data sebelum dan selepas program melalui markah ujian pelajar dan maklum balas soal selidik keberkesanan program (**CHECK).** Sesi refleksi bersama fasilitator pelajar telah diadakan untuk membincangkan mengenai kekuatan, cabaran dan keperluan latihan lanjutan. Bertunjangkan **Pengurusan dan Pembangunan Pelajar** yang efektif, kepakaran pensyarah telah digunapakai dengan sebaiknya dalam memberi pendedahan sebenar pembelajaran dalam bilik darjah kepada pelajar FPend **(ACTION) (Rujuk BUKTI 2: Pautan 1 Maklumbalas Math Academy).**

Program artSMart x ISOLA 2024 yang telah diadakan pada 19 Ogos 2024 di Pondok Pesantren dan Panti Asuhan Bima Bhakti, Yogyakarta, Indonesia. Pensyarah, pelajar fakulti dan peserta dari institusi yang berbeza telah menyumbang kepada **pembentukan karakter unggul di kalangan mahasiswa.** Penubuhan jawatankuasa perancangan untuk penetapan matlamat, merangka lima kluster aktiviti, penentuan lokasi, kumpulan sasar dan merancang kerjasama rentas institusi antara UiTM, UM, UNY, Galeri Shah Alam dan Sekolah Seni Malaysia (**PLAN**) **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a) Penubuhan AJK Pelaksana)** telah dibentuk bagi memastikan kelancaran program. Penglibatan seramai 88 peserta komuniti dari pelbagai peringkat umur telah memberi **peluang kepada pelajar untuk berinteraksi dengan pelajar merentas negara telah memberi nilai tambah kepada pengalaman pembelajaran dan pembangunan professional pelajar** (**DO**) **(Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(b) Sekitar Program Berlangsung).**

Pemantauan dibuat secara berterusan untuk menilai impak perluasan melalui pengumpulan maklum balas peserta komuniti, refleksi kendiri pelajar dan pensyarah serta penilaian terhadap kerjasama rentas institusi (**CHECK) (Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(c) Maklum Balas Selepas Program).** Hasil semakan dan pemantauan digunakan untuk memperluas dan menambah baik kesinambungan program (**ACT). Perluasan Projek artSMartx ISOLA 2024 bukan sahaja melibatkan aspek geografi dan jumlah peserta**, tetapi telah menyumbang kepada pembangunan dan kemenjadian pelajar secara holistik.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_O01_OB03_20251_6.3_Bukti 1.pdf
2. F0034_O01_OB03_20252_6.3_BUKTI 2.pdf
3. F0034_O01_OB03_20253_6.3_BUKTI 3.pdf

PEMBELAJARAN (LEARNING)*

6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)

Pemantauan merupakan komponen utama dalam kerangka pembelajaran (Learning). FPend komited bagi memastikan kesemua program pembangunan pelajar berjalan mengikut perancangan dan mencapai sasaran penyertaan. Proses ini melibatkan **semakan berstruktur terhadap kehadiran, penglibatan pelajar serta keberkesanan program melalui rekod evidens, maklum balas dan dokumentasi visual.**

Dalam pelaksanaan **Program artSMart**, pemantauan dilakukan melalui kehadiran berdaftar, log aktiviti, serta pemantauan langsung oleh fasilitator semasa bengkel berlangsung. Program ini menumpukan kepada pembangunan daya ekspresi kendiri dan kreativiti melalui aktiviti seni. Fasilitator memainkan peranan penting dalam memantau penglibatan setiap pelajar dengan memastikan tiada pelajar tercicir daripada tugasan atau interaksi dalam sesi. **Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a) dan 1(b)** menunjukkan pelajar aktif mengambil bahagian dalam bengkel seni dan pameran hasil karya mereka.

Program Math Academy pula disasarkan kepada pelajar yang memerlukan bimbingan tambahan dalam subjek berkaitan numerasi. Pemantauan dijalankan melalui ujian diagnostik pra dan pasca sesi, serta semakan berjadual terhadap kehadiran dan kemajuan prestasi pelajar. Setiap kumpulan pelajar dipantau oleh fasilitator yang bertindak sebagai tutor mini. **Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) dan 2 (b)** menunjukkan sesi tutorial interaktif dan kerjasama antara pelajar serta fasilitator dalam sesi pemulihan matematik.

Dalam **Program Global Wellness Leadership** , pemantauan memberi tumpuan kepada kesejahteraan holistik pelajar termasuk aspek emosi, sosial dan fizikal. Pelajar yang merupakan peserta diarahkan untuk mengisi log kesejahteraan kendiri secara harian dan menyertai aktiviti refleksi mingguan. Pemantauan turut dilakukan melalui pemerhatian tingkah laku dan ekspresi semasa sesi berlangsung oleh fasilitator terlatih. Bukti bergambar **Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3 (a)** menunjukkan senarai ahli jawatankuasa yang bertanggung jawab memantau perjalanan program **dan Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4 (a)** merujuk kepada senarai peserta yang hadir di sepanjang program berjalan.

Secara keseluruhannya, pendekatan pemantauan menyeluruh yang dilaksanakan oleh FPend telah berjaya memastikan **penglibatan 100% pelajar yang disasarkan dalam ketiga-tiga program.** Dokumentasi visual dan laporan fasilitator menjadi sumber penting dalam proses penilaian impak program serta rujukan untuk penambahbaikan berterusan. Amalan ini memperkukuh budaya pembelajaran organisasi dan menyokong prinsip keberkesanan dalam Model Baldrige serta kerangka ADLI.

SENARAI BUKTI:

1. F0034_O01_OB04_OC01_20251_6.4.1_Bukti 1.pdf
2. F0034_O01_OB04_OC01_20252_6.4.1_Bukti 2.pdf
3. F0034_O01_OB04_OC01_20253_6.4.1_Bukti 3.pdf
4. F0034_O01_OB04_OC01_20254_6.4.1_Bukti 4.pdf

6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Keupayaan mengenal pasti risiko secara sistematik menjadi keutamaan dalam pembelajaran organisasi di FPend, khususnya dalam konteks pengurusan dan pembangunan pelajar. Pendekatan ini selari dengan prinsip Model Baldrige yang menekankan keupayaan mengenal pasti kelemahan sebelum ia menjejaskan prestasi keseluruhan.

Dalam pelaksanaan program **artSMart**, risiko utama yang dikenalpasti adalah **kurangnya penglibatan pelajar luar bandar yang kurang akses kepada bahan seni atau pendedahan awal.** FPend melalui sesi pemantauan awal berjaya mengenal pasti ketidakseimbangan penglibatan ini berdasarkan data pendaftaran dan kehadiran. Tindakan segera diambil d**engan menyediakan kit asas seni untuk pelajar terlibat untuk menggalakkan penyertaan mereka bukan sahaja pada program kali ini tetapi pada masa akan datang. Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a) dan 1(b).**

Dalam **Math Academy**, risiko paling ketara adalah **kebergantungan pelajar kepada pengajaran konvensional serta tahap motivasi rendah dalam kalangan pelajar dengan keputusan sederhana.** Laporan awal fasilitator mengenalpasti bahawa pelajar sukar memahami konsep abstrak matematik tanpa pendekatan visual. Risiko ini ditangani melalui pelaksanaan modul *gamifikasi* dan penggunaan perisian interaktif. Ini sekali gus mengurangkan kadar kehadiran rendah serta meningkatkan penglibatan kelas secara aktif. Bukti visual **Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a)** adalah pautan (link) youtube untuk rujukan pelajar untuk mengukuhkan pemahaman **dan Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a)** memperincikan inisiatif **MATH ACADEMY** dalam menyediakan video pembelajaran yang interaktif untuk meningkatkan motivasi pelajar.

Bagi program **Global Wellness Leadership Week**, risiko yang dapat dikenal pasti adalah pelajar yang merupakan peserta program kurang melibatkan diri secara aktif dengan program sebegini kerana susunan program yang lebih banyak kepada sesi bual bicara dan ceramah. FPend mengambil tindakan segera dengan mempelbagaikan pengisian program agar nampak menarik dan dinamik sesuai dengan keperluan generasi Z masa kini yang inginkan suasana santai, interaktif dan kreatif. **Rujuk BUKTI 4: Gambarajah 4(a) dan 4(b)** boleh dirujuk untuk menunjukkan inisiatif yang dilakukan oleh tim **Global Wellness Leadership Week**, FPend untuk mengurangkan risiko sebegini pada masa akan datang,

Ketiga-tiga program ini mengaplikasikan prinsip pembelajaran dari risiko sebagai peluang penambahbaikan. Semua dapatan telah dibentang dalam Mesyuarat Pengurusan FPend untuk dijadikan garis panduan pelaksanaan program masa depan. Pendekatan ini menunjukkan budaya peka risiko dalam pelaksanaan inisiatif pelajar, sejajar dengan nilai pembelajaran strategik yang disarankan dalam kerangka ADLI.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_O01_OB04_OC02_20251_6.4.2 _Bukti 1.pdf
2. F0034_O01_OB04_OC02_20252_6.4.2 _Bukti 2.pdf
3. F0034_O01_OB04_OC02_20253_6.4.2 _Bukti 3.pdf
4. F0034_O01_OB04_OC02_20254_6.4.2 _Bukti 4.pdf

6.4.3 MENGKAJI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Proses penambahbaikkan dilaksanakan secara berterusan melalui refleksi pasca program, maklum balas pelajar, dan mesyuarat penyelaras. Dalam konteks **artSMart**, tindakan penambahbaikan yang dijalankan termasuk pengenalan sesi *co-creation* antara pelajar dan fasilitator. Kajian semula program yang dijalankan pada suku pertama 2024 mendapati pelajar lebih cenderung terlibat **secara aktif apabila mereka diberi ruang untuk mencorakkan kandungan.** Justeru, format program diubah daripada berbentuk ceramah kepada bengkel interaktif **Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a) dan 1(b).**

Math Academy pula menjalankan kajian semula modul pengajaran berasaskan maklum balas mingguan pelajar dan prestasi ujian formatif. Mo**dul pengulangan intensif yang pada awalnya bersifat satu hala telah ditukar kepada model tutor rakan sebaya,** hasil kajian dalaman yang menunjukkan peningkatan pemahaman apabila pelajar belajar dalam kumpulan kecil. **Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) dan 2(b)**.

Global Wellness Leadership Week mengkaji semula pendekatannya dengan menyepadukan elemen kesedaran digital (digital wellbeing) setelah mendapati pelajar berdepan tekanan akibat penggunaan gajet yang tidak terkawal. **Program ditambah baik dengan menyelitkan aktiviti *tech-free reflection* iaitu pidato dan aktiviti mengupayakan komuniti** melalui program inovasi Langkah ini memperlihatkan keberkesanan prinsip “learning from practice” yang menjadi teras Model Baldrige. **Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a) dan 3(b)**

SENARAI BUKTI :

1. F0034_O01_OB04_OC03_20251_6.4.3 _Bukti 1.pdf
2. F0034_O01_OB04_OC03_20252_6.4.3 _Bukti 2.pdf
3. F0034_O01_OB04_OC03_20253_6.4.3 _Bukti 3.pdf

6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kelestarian operasi FPend diperkukuh melalui pelaksanaan program berimpak tinggi selaras dengan pendekatan 3H: ***EduHead***, ***EduHeart*** dan ***EduHands***, yang menyokong pembangunan pelajar secara holistik.

Di bawah ***EduHead***, Program Math Academy memfokuskan kepada pembangunan kognitif pelajar melalui pendekatan pembelajaran matematik yang inovatif dan interaktif. Program ini meningkatkan kefahaman konsep dan keyakinan pelajar terhadap subjek Matematik yang mencabar. **Rujuk BUKTI 1: Gambarajah 1(a) dan 1(b)** Kertas Kerja dan Laporan Program Math Academy). Keberkesanannya terserlah menerusi penglibatan aktif pelajar dalam sesi penyelesaian masalah serta perubahan budaya pengajaran yang kini menekankan intervensi akademik secara berstruktur dan berterusan.

Sebagai inisiatif ***EduHeart***, artSMart x ISOLA memupuk empati, kolaborasi dan komunikasi antara budaya melalui aktiviti khidmat komuniti di Yogyakarta. Penglibatan pelajar dalam kluster pendidikan, seni, kesihatan dan kerohanian telah menyemai nilai insaniah serta tanggungjawab sivik. Budaya refleksi dan pembelajaran berasaskan projek yang diterapkan menjadikan khidmat komuniti sebagai landasan pembangunan jati diri, bukan sekadar memenuhi keperluan kokurikulum. **Rujuk BUKTI 2: Gambarajah 2(a) Laporan Program artSMartxISOLA.**

Bagi dimensi ***EduHands***, Global Wellness Leadership Week menekankan kepimpinan, kesukarelawanan dan komunikasi melalui penglibatan pelajar rentas fakulti serta kolaborasi antarabangsa. Aktiviti seperti forum kepimpinan dan projek sukarelawan memperkukuh budaya inklusif serta tindakan berimpak tinggi **Rujuk BUKTI 3: Gambarajah 3(a)** Laporan Program Global Wellness Leadership Week. Dokumentasi rapi program ini kini menjadi rujukan utama bagi perancangan aktiviti HEP yang akan datang.

Secara keseluruhannya, ketiga-tiga program ini membuktikan integrasi berkesan pendekatan 3H dalam membudayakan inovasi, kolaborasi dan penambahbaikan berterusan. Fakulti Pendidikan telah menunjukkan komitmen tinggi dalam memastikan inisiatif ini kekal relevan melalui perancangan strategik dan perkongsian amalan terbaik, sekali gus menyumbang kepada ekosistem akademik dan sosial yang lestari di UiTM.

SENARAI BUKTI :

1. F0034_O01_OB05_20251_6.5_Bukti 1.pdf
2. F0034_O01_OB05_20252_6.5_Bukti 2.pdf
3. F0034_O01_OB05_20253_6.5_Bukti 3.pdf

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.1 HASIL UTAMA 1

"Inisiatif Strategik Memacu Visibiliti Global Fakulti"

Memperkasa pengetahuan, bakat, dan komuniti melalui inisiatif holistik yang mengukuhkan reputasi Fakulti Pendidikan di peringkat nasional dan antarabangsa

7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Berdasarkan hasil daripada pencapaian objektif dan inisiatif yang telah dirangka di dalam pelan strategik Fakulti Pendidikan, ianya difokuskan menerusi tiga inisiatif utama antaranya ***EduHead***, ***EduHeart***, dan ***EduHands***. Secara keseluruhannya, ketiga-tiga inisiatif ini telah **meningkatkan visibiliti atau ketampakkan Fakulti Pendidikan** di peringkat Universiti mahupun Antarabangsa menerusi pelbagai aktiviti dan program yang telah digerakkan pada tahun 2023 dan 2024. Inisiatif yang digerakkan dibawah ***EduHead*** ini secara amnya **mencerminkan komitmen berterusan warga Fakulti Pendidikan dalam memartabatkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berimpak tinggi, melalui pelaksanaan program yang menyokong pembangunan holistik pelajar.**Tumpuan utama diberikan kepada pemupukan ilmu pengetahuan, perkongsian kemahiran dan pengalaman secara langsung bersama pelajar daripada semua program pendidikan di bawah Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi MARA (UiTM). Seterusnya inisiatif dibawah ***EduHeart*** merupakan antara **komponen yang penting dalam memperluas akses kepada peluang pendidikan dan pembelajaran yang bermakna melalui pelaksanaan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang bersifat kontekstual, holistik dan berteraskan nilai.**Konsep ini direalisasikan melalui pelaksanaan pelbagai projek intervensi komuniti yang dirancang secara strategik dengan pendekatan problem-based learning serta pemikiran reka bentuk (design thinking) sebagai tunjang. Manakala inisiatif dibawah ***EduHands*** pula merupakan **langkah-langkah Fakulti Pendidikan dalam memastikan pengetahuan, kemahiran dan bakat diantara warga Fakulti Pendidikan dapat diketengahkan menerusi amalan dalam metodologi pendidikan, kajian, penyelidikan dan perundingan yang dilaksanakan oleh warga fakulti bersama dengan rakan industri, institusi dan agensi sama ada yang terlibat di peringkat nasional mahupun antarabangsa.**Ketiga-tiga inisiatif utama ini telah menyumbangkan ketampakkan yang positif kepada Fakulti Pendidikan khususnya dalam usaha membentuk visibiliti Fakulti dan UiTM di peringkat global. Melalui usaha ini, ianya secara tidak langsung meningkatkan pengetahuan yang berimpak tinggi dikalangan warga Fakulti Pendidikan khususnya serta UiTM amnya dalam mengekalkan kualiti pembangunan pelajar, staf dan kelestarian akademik.

7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : H1_F0034_HB02_20251_HASIL 1_7.1.2_TAHAP.pdf

7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : H1_F0034_HB03_20252_HASIL 1_7.1.3_TREN.pdf

7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : H1_F0034_HB04_20253_HASIL 1_7.1.4_PERBANDINGAN.pdf

7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : H1_F0034_HB05_20254_HASIL 1_7.1.5_KEPENTINGAN.pdf

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.2 HASIL UTAMA 2

"FPend: Peneraju Pendidikan Berkualiti, Pemangkin Potensi Pelajar"

Mengoptimumkan potensi pelajar melalui program berimpak tinggi dan jaringan antarabangsa

7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi MARA (FPend) terus mengekalkan prestasi cemerlang dalam menghasilkan pelajar-pelajar yang mempunyai kompetensi yang holistik menerusi pelbagai inisiatif program pembangunan pelajar yang telah dirangka berdasarkan pelan strategik fakulti. Kecemerlangan ini berteraskan kepada pelaksanaan program-program berimpak tinggi, seperti **Global Wellness Leadership Week (GWLW)**, **ArtSMart x ISOLA**, dan **Math Academy**. Program-program ini bukan sahaja mencapai sasaran prestasi, malah melepasi petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan. Sebagai contoh, GWLW 2024 merekodkan lebih 5,000 penyertaan, melebihi sasaran asal sebanyak 4,000 peserta. Selain itu, dapatan kuantitatif dan kualitatif daripada ArtSMart x ISOLA dan Math Academy menunjukkan peningkatan yang ketara, termasuk peningkatan tahap kefahaman peserta sehingga 30% serta pencapaian akademik yang mencapai 80%.

Prestasi ini diperkukuh oleh pola **tren positif yang berterusan** sejak lima tahun kebelakangan, dengan penyertaan tahunan Math Academy mencatat pertumbuhan lebih 15% dan tahap kepuasan peserta melebihi 90%. Kejayaan tahun 2024 membuktikan keberkesanan strategi operasi fakulti, pelaksanaan modul inovatif, dan pengurusan berasaskan data. Kejayaan ini turut dipacu oleh budaya penambahbaikan berterusan berasaskan **kerangka Plan–Do–Check–Act (PDCA)** dan **ADLI (Approach, Deployment, Learning, Integration)**, di samping peluasan kolaborasi strategik di peringkat nasional dan antarabangsa.

Dalam aspek penanda aras, FPend mengamalkan **internal, external competitive, dan functional benchmarking** untuk menilai keberkesanan operasi. Analisis perbandingan menunjukkan prestasi FPend melebihi purata pencapaian IPTA/IPTS setara di Malaysia. GWLW, misalnya, mencapai keputusan 25% lebih tinggi daripada KPI UiTM dan 43% lebih tinggi berbanding purata nasional bagi program pembangunan pelajar berskala besar. Kajian perbandingan kualitatif turut mengesahkan keberkesanan pendekatan pedagogi FPend yang setara atau melebihi standard nasional dan serantau.

Operasi FPend telah memberi impak menyeluruh di peringkat institusi, nasional, dan antarabangsa. Di peringkat institusi, **fakulti menyumbang kepada reputasi UiTM melalui program berimpak tinggi yang mengintegrasikan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)**. Di **peringkat nasional, Math Academy** berperanan sebagai model rujukan untuk bimbingan akademik dan latihan pedagogi. Di **peringkat antarabangsa, program seperti ArtSMart x ISOLA dan GWLW** telah mewujudkan jaringan akademik global, memperkukuh mobiliti pelajar, dan menggalakkan kolaborasi penyelidikan rentas negara. Inisiatif ini turut menyumbang kepada pembangunan modal insan dan pengukuhan komuniti melalui seni, kesejahteraan, dan pendidikan.

Secara keseluruhannya, pencapaian FPend membuktikan keupayaan strategik dan keberkesanan operasinya untuk terus mencapai status **best-in-class**. Dengan asas pencapaian yang kukuh, budaya inovasi, dan penambahbaikan berterusan, FPend berpotensi besar untuk menerajui ekosistem pendidikan berimpak tinggi di Malaysia serta memperkukuh kedudukannya sebagai model rujukan fakulti pendidikan di peringkat global.

7.2.2 TAHAP(Level)

BUKTI : H2_F0034_HB02_20251_HASIL 2_7.2.2_TAHAP.pdf

7.2.3 TREN (Trend)

BUKTI : H2_F0034_HB03_20252_HASIL 2_7.2.3_TREN.pdf

7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : H2_F0034_HB04_20253_HASIL 2_7.2.4_PERBANDINGAN.pdf

7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : H2_F0034_HB05_20254_HASIL 2_7.2.5_KEPENTINGAN.pdf

KRITERIA 7 : HASIL UTAMA

7.3 HASIL UTAMA 3

"Kemenjadian pelajar hasil keberkesanan pengurusan yang mantap dan berkesan"

Pengurusan sumber manusia yang berkesan memacu kemenjadian pelajar yang dinamik dan holistik

7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF

Fakulti Pendidikan UiTM membuktikan **keberkesanan pengurusan sumber manusia melalui pelaksanaan tiga inisiatif utama *EduHead*, *EduHeart*** dan ***EduHands* yang secara langsung memberi kesan positif kepada pembangunan pelajar**. Perancangan strategik, pengagihan tugas yang jelas, komunikasi berkesan, dan sokongan kepimpinan telah membolehkan semua inisiatif bukan sahaja mencapai, malah ada yang melebihi sasaran prestasi. **Projek Scholarship Catalyst (Research Masterclass Series)** telah menghasilkan **penyelidikan yang berkualiti juga membina keyakinan pelajar** bukan sekadar menyempurnakan penulisan akhir mereka tetapi turut mendorong pelajar membentang hasil penulisan ilmiah mereka di peringkat antarabangsa. **Persidangan ACPES 2024** membuka ruang kepada pelajar **mempelajari kemahiran organisasi, kepimpinan, komunikasi lintas budaya, dan membina rangkaian profesional global**. **Penjadualan kerja teratur, pembahagian peranan staf dan pelajar yang jelas, serta koordinasi pasukan yang mantap menghasilkan rekod penyertaan tertinggi hampir 300 peserta yang majoritinya terdiri daripada peserta antarabangsa. ArtSmart x ISOLA memacu kejayaan kolaborasi antarabangsa melalui pengurusan logistik dan komunikasi rentas negara yang efisien.** Pelajar mendapat pengalaman langsung mengurus projek kreatif dengan standard global, mengasah kemahiran diplomasi budaya, kerja berpasukan, dan penyelesaian masalah.
Tren prestasi positif dari tahun ke tahun menunjukkan bahawa **pengurusan sumber manusia yang cekap** memberi impak berganda dalam memacu prestasi organisasi dan memperkukuh kompetensi pelajar. **Sinergi di antara Scholarship Catalyst (Research Masterclass Series)** yang memperlihatkan peningkatan kadar penyiapan projek pelajar yang lebih berkualiti mengikut garis masa. Hasil ini secara langsung menyokong kepada penglibatan pelajar dalam penganjuran program di peringkat antarabangsa. **ACPES 2024 dan ArtSMart x ISOLA** telah berjaya menarik penyertaan pelajar yang lebih baik berbanding tahun-tahun sebelumnya. **Kesemua program ini mematuhi piawaian terbaik nasional dan antarabangsa, dengan pengiktirafan melalui kolaborasi strategik bersama Universitas Negeri Semarang, Yayasan Maybank, National Institute of Physical Education and Sport (NIPES), Cambodia dan rakan global lain.** Kejayaan ini turut mendapat liputan di peringkat nasional dan antarabangsa. **Data pemantauan dan maklum balas positif** menunjukkan **keberkesanan pengurusan sumber manusia** di FPend menjadi **pemacu utama dalam membina pelajar sebagai pemimpin, penyelidik, dan profesional berdaya saing** di peringkat dunia.
Pendekatan pengurusan sumber manusia yang berkesan ini berjaya mewujudkan ekosistem pembelajaran yang menggabungkan pengetahuan akademik, kemahiran insaniah, dan pengalaman global, sekaligus membina pelajar sebagai pemimpin masa depan. Ini **menyokong aspirasi Kementerian Pendidikan Malaysia** untuk melahirkan **graduan yang memenuhi Standard Guru Malaysia (SGM) serta memperkasa jaringan akademik yang inklusif, lestari, dan berimpak tinggi.**

7.3.2 TAHAP(Level)

BUKTI : H3_F0034_HB02_20251_HASIL 3_7.3.2_TAHAP.pdf

7.3.3 TREN (Trend)

BUKTI : H3_F0034_HB03_20252_HASIL 3_7.3.3_TREN.pdf

7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : H3_F0034_HB04_20253_HASIL 3_7.3.4_PERBANDINGAN.pdf

7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : H3_F0034_HB05_20254_HASIL 3_7.3.5_KEPENTINGAN.pdf